

Jilid II
Bil. 44



Hari Khamis
1hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6329]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6363]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6364]

USUL-USUL:
Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6364]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKIL, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN Oo GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYABIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMIBIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 1hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEBUHRAYA GERIK/
BUTTERWORTH
PEMBINAAN

1. **Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila Lebuhraya Gerik/ Butterworth akan disiapkan dan jumlah perbelanjaan yang akan dibelanjakan untuk membina lebuhraya tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, projek Lebuhraya Gerik/ Butterworth yang panjangnya sejauh 116 km dengan anggaran kos pembinaannya sebanyak \$290 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Kerja-kerja reka bentuk jalan yang bertaraf tertinggi (dual carriage-way) telah pun siap.

Walau bagaimanapun, tawaran belum dapat dipanggil oleh kerana kekurangan peruntukan untuk melaksanakan projek ini. Memandangkan bahawa projek ini juga tidak disediakan dalam tahun 1985, maka pelaksanaannya telah

ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Yang Kelima.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kerjaraya tadi, kelewatan ini oleh sebab-sebab yang telah diterangkannya, tetapi ada satu lebuhraya daripada Bukit Gantang ke Bidor di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sehingga hari ini belum dimulakan. Apakah sebab kelambatan itu terjadi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu tidak bersangkut. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

PEMIMPIN MIC JOHOR—
TUDUHAN RASUAH

3. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh BPR ke atas pemimpin-pemimpin atasan MIC Negeri Johor seperti Pengerusi MIC Johor, Datuk G. Pasamanickam, Ketua Wanitanya, Datin Sarasa Pasamanickam, Naib Pengerusi Negeri, Encik V. Arumugam, Setiausaha Negeri, Encik K. S. Balakrishnan, Penolong Setiausaha, Encik A. Singattore dan Ketua Pemuda MIC Negeri, Encik R. Sinniah, berhubung dengan rasuah yang terbabit dalam pembahagian rumah-rumah kos rendah di Taman

UDA di Tampoi dan di Muar, Johor, serta pemilikan tanah di Jalan Petri, Johor Bahru.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa ada pemimpin-pemimpin MIC negeri Johor sebenarnya terlibat dengan rasuah berhubung dengan pembahagian rumah-rumah kos rendah di Taman UDA di Tampoi dan di Muar, Johor serta pemilikan tanah di Jalan Petri, Johor Bahru adalah tidak benar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini hasil penyiasatan Badan Pencegah Rasuah membuktikan bahawa tiada apa-apa perbuatan rasuah berlaku di dalam pembahagian rumah-rumah kos rendah UDA di Bandar Baru Tampoi dan di Muar.

ANGKATAN TENTERA— BENTUK DISIPLIN

4. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk mengubah bentuk disiplin Angkatan Tentera kita yang selama ini berpandukan kepada peraturan-peraturan yang dibuat oleh pihak penjajah; jika ada, nyatakan dasar-dasarnya dan terasnya, dan jika tidak, nyatakan sama ada keadaan disiplin Angkatan Tentera kita pada hari ini sudah mencapai satu paras yang tinggi yang berkemampuan untuk mempertahankan negara dari serangan luar.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan yang terdapat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera dibuat adalah berlandaskan kepada bentuk masyarakat tentera di negara ini.

Peraturan-peraturan yang sedia wujud ini sentiasa disemak dari masa ke semasa. Oleh itu, soal sama ada disiplin Angkatan Tentera kita berpandukan kepada peraturan-peraturan penjajah tidak timbul.

Walau bagaimanapun, suka saya tegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini iaitu disiplin Anggota Tentera kita sentiasa berada di tahap yang tinggi dan memuaskan. Dalam jumlah anggota yang begitu ramai, namun soal disiplin masih dapat dipertahankan dan semenjak Angkatan Tentera kita ditubuhkan 51 tahun yang lalu, Pasukan Angkatan Tentera kita telah menunjukkan kemampuan menjaga disiplin serta imej yang tinggi.

Ini jelas terbukti apabila Pasukan Angkatan Tentera kita pernah diberi penghormatan oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu untuk berkhidmat di Kongo pada tahun 60an dahulu. Pasukan Tentera negara kita bukan sahaja dipuji tetapi disegani oleh pasukan tentera negara-negara lain atas prestasi dan disiplin yang telah ditunjukkan semasa berkhidmat di sana.

Angkatan Tentera kita juga pernah sekali lagi dijemput oleh pihak Persekutuan Bangsa-bangsa Bersatu untuk turut serta mengambil bahagian dalam United Nations Transitional Assistance Group (UNTAG) di Namibia tetapi oleh kerana keadaan politik negara tersebut telah berubah, rancangan ini juga turut berubah.

Walau bagaimanapun, memang tidak dinafikan terdapatnya kes-kes melanggar disiplin oleh segelintir anggota tentera kita, ini adalah perkara biasa yang juga terdapat dalam mana-mana masyarakat atau organisasi, lebih-lebih lagi dalam organisasi yang besar yang mengandungi berbagai corak budaya sosial seperti dalam Angkatan Tentera. Adalah tidak adil

sekiranya kesalahan segelintir dijadikan ukuran kepada keseluruhannya anggota tentera.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini terdapat suatu berita di mana seorang pendakwah ataupun pensyarah dalam hal agama telah mengadakan suatu syarahan dalam satu kem Angkatan Tentera, di mana syarahan itu telah menimbulkan satu kontroversi yang melibatkan kalau boleh dianggap sebagai mungkin akan melemahkan semangat Angkatan Tentera kita. Apakah tindakan disiplin yang diambil terhadap pegawai yang berkenaan yang menjemput pensyarah itu?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah yang berlaku di Alor Setar di Markas TUDM. Sebenarnya pensyarah agama, ustaz yang datang dari luar itu bukan dijemput oleh Pegawai Pemerintah di dalam Kem TUDM itu tetapi dijemput oleh seorang ustaz yang menjaga Kem itu dan kita telah mengambil tindakan yang sewajarnya kepada ustaz ini dan kita tidak nampak kesan yang buruk berkenaan dengan anggota-anggota Angkatan Tentera yang berada di Kem tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan apakah disiplin yang kuat yang dilakukan terhadap tentera kita menyebabkan jiwa ataupun kesan daripada perasaannya amat marah kepada Kerajaan. Ini terbukti apabila mereka itu bersara daripada Angkatan Tentera mereka ini selalunya menentang Kerajaan dan memberi

pendapat-pendapat yang berlainan dengan kehendak-kehendak atau hasrat-hasrat negara kita.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan setakat ini tiada mempunyai butir-butir yang pesarapesara dari Angkatan Tentera kita melawan atau marah kepada Kerajaan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tadi Timbalan Menteri Pertahanan mengatakan bahawa ada segelintir sahaja dari kalangan Angkatan Tentera kita yang kurang berdisiplin dan beliau telah mempersoalkan bahawa kerana disiplin tentera kita itu dihantar ke Congo kalau tidak salah saya lebih kurang 20 tahun yang sudah, itu 20 tahun yang sudah. Tetapi dalam keadaan sekarang saya percaya pada 20 tahun atau 30 tahun yang sudah tentera kita memang well disciplined dan pernah dipanggil Gurkha Malaysia terutama di kalangan Askar Melayu Di Raja tetapi pada hari ini apa yang dipersoalkan, apa yang saya lihat sendiri ramai dari kalangan Angkatan Tentera itu terutama daripada yang berpangkat rendah, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ramai di antara anggota-anggota tentera kita yang berpangkat rendah ini yang berkelulusan SPM dan SRP. Jadi, mereka itu kurang berdisiplin memandangkan mereka itu dari segi akademik mereka sama dengan pegawai-pegawai yang berkelulusan SPM ataupun MCE.

Jadi, apakah langkah-langkah tertentu agar perbezaan ataupun disiplin mereka ini dapat diperbaiki dari satu masa ke satu masa memandangkan keadaan dari segi akademik di antara pribet dengan pegawai tadi.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi akademik, kelulusan akademik pegawai-pegawai tentera keseluruhannya mempunyai academic qualification yang tinggi daripada lain-lain pangkat. Selain daripada kursus-kursus kerjaya yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan dan Pasukan Angkatan Tentera untuk pegawai-pegawai mereka, memang jauh berbeza standardnya daripada mereka dari lain-lain pangkat atau pribet.

Jadi, untuk lain-lain pangkat pula kita mempunyai banyak kursus-kursus untuk mereka yang akan meninggalkan bukan sahaja taraf disiplin mereka bahkan untuk kemahiran mereka sebagai anggota Angkatan Tentera.

JENERASI KEDUA PENEROKA FELDA

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh "jenerasi kedua" Peneroka-peneroka FELDA. Apakah tumpuan Menteriannya bagi mengatasi masalah-masalah mereka, terutamanya di bidang ekonomi.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh jenerasi kedua FELDA bolehlah digolongkan kepada dua masalah. Pertamanya ialah usaha menyediakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan seperti sekolah, asrama, bantuan kewangan, Tadika dan rekreasi di setiap rancangan. Ini merupakan masalah sosial yang dihadapi oleh jenerasi kedua FELDA.

Keduanya ialah masalah memberi kemudahan latihan dalam bidang

kemahiran dan peluang-peluang dalam bidang perniagaan kepada mereka yang berminat. Ini tergolong dalam masalah ekonomi.

Pentadbiran FELDA telah, sedang dan akan melaksanakan program pembangunan jenerasi kedua dengan memberi perhatian yang lebih dari peringkat pra sekolah sehinggalah ke peringkat universiti.

Asrama FELDA yang telah diwujudkan bagi membolehkan anak-anak peneroka menjalani persekolahan menengah dalam keadaan dan kemudahan yang lebih lengkap dan sempurna.

Pada masa ini terdapat 3 buah Asrama FELDA masing-masing di Kuala Lumpur, Kuantan dan Johor Bahru.

Kemudahan ini akan diperluaskan ke bandar-bandar lain. Golongan jenerasi kedua adalah merupakan golongan yang terbanyak di Rancangan FELDA.

Menyedari akan hakikat inilah galakan diberi supaya akhirnya mereka dapat memajukan kawasan rancangan dengan mengendalikan aktiviti-aktiviti di luar bidang pertanian seperti perniagaan, pertukangan, perusahaan kecil dan ternakan.

Mereka ini terutamanya bagi yang berpelajaran tinggi diharap boleh dijadikan ejen perubahan bagi membangunkan masyarakat Rancangan kelak.

Dalam bidang ekonomi pula, terdapatnya kekurangan kemahiran, pengalaman, latihan, modal dan tempat untuk menjalankan perniagaan bagi jenerasi kedua. Bagi mengatasi masalah ini penekanan telah diberi

untuk melatih lebih ramai lagi golongan jenerasi kedua dalam bidang kemahiran.

Pada masa 1984 sejumlah \$1.48 juta daripada \$1.5 juta telah diuntukkan bagi kursus-kursus dan latihan kemahiran di pusat dan sekolah latihan FELDA. Senarai kursus-kursus kemahiran yang diadakan kepada jenerasi kedua ini adalah seperti di lampiran "A".

Penglibatan jenerasi kedua dalam bidang perniagaan dan perusahaan juga digalakkan dengan memberi peluang mereka ini berniaga di gerai-gerai yang disediakan di Rancangan-rancangan FELDA.

Tapak-tapak perusahaan kecil seperti bengkel motokar, pertukangan kayu, kraftangan, perusahaan roti, sos, mee dan perusahaan batu blok juga disediakan.

Pentadbiran FELDA telah memperuntukkan wang sejumlah \$5.25 juta khusus untuk mewujudkan tabung pinjaman bagi membantu jenerasi kedua dalam bidang perniagaan.

Masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh jenerasi kedua ini sememangnya mendapat perhatian oleh Kementerian saya dan Pentadbiran FELDA.

Menyedari akan kepentingan inilah maka suatu bahagian yang khusus untuk mengendalikan soal-soal yang berhubung dengan jenerasi kedua telah diwujudkan di bawah Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial FELDA. Di peringkat Kementerian pula satu seksyen baru dicadang akan diwujudkan secepat mungkin bagi mengendalikan soal-soal yang berhubung dengan masalah sosial di agensi-agensinya di bawah Kementerian saya termasuklah masalah jenerasi kedua FELDA.

Kementerian saya akan berusaha memastikan bahawa matlamat pembangunan jenerasi kedua FELDA ini akan terlaksana memandangkan golongan jenerasi kedua ini merupakan majoriti penduduk di Rancangan FELDA.

Jumlah bilangan anak-anak peneroka FELDA adalah dianggarkan seramai 345,892 orang. Oleh itu, usaha-usaha pembangunan mereka akan terus dijalankan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jenerasi kedua peneroka ini akan mendapat tempat yang lebih baik dalam masyarakat disebabkan oleh kerana mereka diberikan pelajaran serta bantuan-bantuan serta dorongan-dorongan untuk membangunkan ekonomi mereka, apakah tidak ada kemungkinan pada suatu masa nanti mereka tidak berminat untuk menjadi peneroka di FELDA dan apakah akan jadi kepada tanah-tanah mereka yang berkehendakkan buruh-buruh untuk melaksanakan tugas seperti menoreh ataupun kerja-kerja kasar, menebang ataupun memetik buah kelapa sawit dan sebagainya. Apakah rancangan FELDA untuk menghadapi keadaan ini?

Kedua, dari segi masalah jenerasi kedua ini setakat manakah kejayaan Kerajaan untuk membasmi kegiatan-kegiatan yang tidak menyenangkan Kerajaan seperti penyalahgunaan dadah ataupun anasir-anasir yang menentang Kerajaan di FELDA dapat dijayakan.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pertama, minat jenerasi kedua akhirnya terhadap masalah penerokaan tanah itu, Kementerian saya sedang memikirkan cara mengekalkan skim-skim ataupun Rancangan FELDA diusahakan secara

saham dan setakat ini Kerajaan telah pun memutuskan untuk memperkenalkan sistem saham dalam rancangan-rancangan baru dan adalah diharapkan sistem saham dalam rancangan-rancangan baru ini dapat menggalakkan peneroka-peneroka yang sedia ada untuk menyertai sistem saham setelah ditunjukkan beberapa kejayaan dan akhirnya dengan cara pertanian berkelompok ini kita akan dapat mengekalkan rancangan-rancangan itu sebagai satu unit yang besar di mana pengurusannya lebih cekap diusahakan oleh pihak FELDA dan peneroka-peneroka akan menjadi peserta dalam bentuk pemegang saham dan akhirnya mereka akan mendapat upah sebagai pekerja dan juga dividen sebagai saham.

Masalah kedua ialah kejayaan Kerajaan terutama sekali di kawasan-kawasan FELDA dan juga rancangan-rancangan yang lain dalam menyekat kegiatan-kegiatan dadah dan anti Kerajaan sama ada anti sosial ataupun anti Kerajaan sedang kita usahakan menerusi pegawai-pegawai pembangunan masyarakat FELDA iaitu yang dipanggil pegawai pembangunan peneroka bahagian agama dan juga wanita selain daripada mempunyai pegawai seranta khas yang ada hubungan dengan PEMADAM untuk mengawasi perkara penyalahgunaan dadah dan juga masalah aktiviti-aktiviti anti-Kerajaan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana telah banyak membuat rancangan-rancangan untuk generasi kedua. Soalan saya, adakah benar bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan satu rancangan istimewa atau memberi peruntukan yang istimewa kepada generasi kedua atau dengan lain-lain perkataan, anak-anak peneroka bagi mendapat atau

memasuki mana-mana rancangan baru yang dibuat oleh FELDA, dan jika benar, berapa peratuskah kadar peruntukan yang diuntukkan kepada generasi kedua ini dan jika benar juga adakah rancangan ini akan diteruskan?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat FELDA untuk menempatkan anak-anak peneroka di rancangan-rancangan baru jika mereka mempunyai minat, lebih-lebih lagi mereka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke tahap yang tinggi. Bilangan ini saya tidak dapat pastikan, insya Allah saya akan menyampaikan kepada Yang Berhormat dari Padang Rengas maklumat selanjutnya tetapi yang pastinya kriteria ini ialah keutamaan bagi menentukan penempatan lebih kurang 9,000 penunggu untuk menyertai rancangan FELDA yang ada sekarang.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan tentang peluang perniagaan dan peruntukan \$5.2 juta untuk tujuan mewujudkan kalangan peniaga di kalangan generasi kedua FELDA. Jadi, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah peranan perbadanan niaga FELDA dan koperasi yang ditubuhkan di FELDA untuk maksud yang saya sebutkan tadi dan saya juga ingin mendapat tahu tentang satu dasar yang telah diumumkan oleh Kementerian mengenai cara-cara untuk memusingkan tenaga pembelian yang dihasilkan oleh rancangan-rancangan FELDA kembali kepada peneroka-peneroka FELDA? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenar kita memperuntukkan

\$5.2 juta peruntukan untuk menggalakkan anak-anak peneroka yang sudah layak untuk menyertai rancangan-rancangan penglibatan perniagaan. Dan BNF ataupun badan usaha niaga FELDA selain daripada merupakan satu perbadanan ataupun anak syarikat, anak badan yang mengendalikan "consumption credit" atau menyediakan kemudahan-kemudahan keperluan peneroka-peneroka FELDA juga merupakan pembekal yang berkesan kepada bakal-bakal peniaga yang terdiri daripada anak-anak peneroka.

Jawapan kepada soalan kedua ialah memang ada rancangan Kerajaan, Kementerian dari segi meninjau sedalam-dalamnya masalah wang yang mengalir keluar yang berpusing dalam rancangan FELDA tiap-tiap bulan seperti di Jengka dilaporkan oleh pegawai bahawa lebih kurang \$10 juta satu bulan yang mengalir dalam rancangan Jengka tetapi mengalir keluar di pekan-pekan luar kawasan dan Kerajaan sedang melihat bagaimana kita dapat membangunkan bandar-bandar pusat dalam rancangan-rancangan tanah seperti bandar pusat Jengka, bandar Mu'azam Shah di DARA, bandar Penawar di KEJORA dan sebagainya untuk menentukan bahawa pengaliran wang ini tidak keluar tetapi dipusingkan balik dalam rancangan-rancangan FELDA.

HOSPITAL BARU DAERAH TAMPIN

6. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah hospital baru Daerah Tampin akan dibina memandangkan keadaan hospital sekarang ini dalam keadaan yang tidak memuaskan dan tapak baru untuk hospital baru telah pun sedia ada.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia

Keempat pembelian tanah sahaja bagi Hospital Baru Daerah Tampin telah diluluskan dan tanah ini telah pun dibeli. Walau bagaimanapun, pembangunan Hospital Baru bagi Daerah Tampin akan diberi pertimbangan di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu sama ada Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan satu hospital yang lengkap bagi setiap daerah di negara kita?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan sebuah hospital bagi setiap daerah di negara kita ini dan di Semenanjung Malaysia, saya rasa dasar itu telah memang dicapai. Hanya belum dapat tercapai di Sabah dan Sarawak.

SEKOLAH MENENGAH TEKNIK—MEMULAU- KAN KELAS

7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sejauh manakah kebenaran dakwaan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik, Ipoh mengenai kekurangan-kekurangan dan kemunduran-kemunduran di sekolah tersebut dari segi perkembangan dan kemajuannya sehingga menyebabkan mereka bertindak beramai-ramai memulaukan kelas dan pulang ke kampung masing-masing pada 1-9-1984; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemimpin pelajar dan pelajar-pelajar yang terlibat, dan tindakan menyasat

kemungkinan benarnya kelemahan pentadbiran sekolah tersebut sebagaimana yang didakwa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan dari pelajar Sekolah Menengah Teknik Ipoh mengenai kekurangan-kekurangan dan kemunduran-kemunduran di sekolah tersebut dari segi perkembangan dan kemajuannya adalah tidak benar.

Untuk menjawab soalan (b), penyiasatan mengenai tunjuk perasaan tersebut masih lagi dijalankan oleh pihak Polis. Pemimpin pelajar dan pelajar-pelajar yang terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang jika bersabit kesalahan mereka. Buat masa ini Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak masih lagi meneruskan penyiasatan di atas kemungkinan adanya kelemahan di pihak pentadbiran sekolah seperti yang didakwa oleh pelajar-pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pun pihak sekolah telah berusaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di perpustakaan yang sentiasa bertambah pada tiap-tiap tahun. Bagi tahun 1984 sebanyak 590 naskah buku telah dibeli. Kemudahan ko-kurikulum sentiasa digalakkan, ditambah oleh pihak sekolah dari masa-ke semasa, contohnya seperti alat permainan dan sebagainya.

Pihak sekolah juga sedang berusaha mengambil langkah-langkah untuk membina kemudahan-kemudahan seperti berikut, termasuklah kantin, gelanggan permainan (konkrit) untuk sepak takraw dan bola tampar dan memasang kemudahan-kemudahan lain untuk dewan makan dan sebagainya untuk sekolah itu.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa tidak ada apa-apa kekurangan yang berlaku masalah mengenai kemajuan dan pembangunan di Sekolah Teknik Ipoh. Saya ingin tahu, kalau tidak ada apa-apa kekurangan, mengapa pelajar-pelajar mengambil tindakan menunjuk perasaan. Apakah ada orang lain, pihak lain yang menghasut ataupun ada faktor-faktor lain yang mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam penyiasatan. Saya pun menjadi bingung, tadi mengatakan tidak ada apa-apa kelemahan tetapi ada dalam penyiasatan mencari kelemahan. Mana yang betul?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pandangan pihak Kementerian dan sebagaimana laporan yang diterima oleh pihak Kementerian memang apa yang dikemukakan oleh murid-murid itu tidaklah boleh dikatakan berasas tetapi walaupun setakat ini dari segi penerimaan laporan-laporan daripada pihak yang ada di jabatan-jabatan dan juga di pihak sekolah bahawa tidak ada kebenarannya laporan itu. Namun untuk menentukan lebih lanjut lagi, lebih berkesan lagi bahawa keadaan itu benar, laporan itu memang benar, kita sentiasa menyiasat. Lagi pun perkara ini telah juga diberitahu kepada pihak Polis. Dan di samping pihak Polis, pihak Kementerian setakat ini telah pun mengadakan penyiasatan dan ini sedang dan masih lagi dalam penyiasatan dan kita harap dengan keadaan ini kita akan dapatlah maklumat yang reliable untuk digunakan, untuk menentukan siapakah yang bersalah dan siapakah yang benar.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Soalan mengenai adakah pihak lain yang menghasut pelajar dijawab.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya sebutkan tadi adalah juga menerangkan jawapan iaitu kalau Kementerian menyelidiki, menyiasat; ini bermakna termasuk juga menyiasat sama ada pihak luar juga terlibat dalam menghasut pelajar-pelajar.

BADAN PERUNDING ISLAM

8. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi membentuk satu Badan Perunding Islam bagi menasihati Kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Islam dan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mensekukan pentadbiran Agama Islam di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, Badan Perunding Islam yang dimaksudkan telah ditubuhkan dengan Urusetianya di Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri pada 11hb Disember, 1981. Kerajaan juga pada masa sekarang sedang mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk seperti Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Majlis Muzukarah, Jawatankuasa Fatwa dan Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam untuk mensekukan pentadbiran agama Islam di seluruh negara.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa salah satu daripada telahan masyarakat terhadap kelemahan pentadbiran Islam di negeri-negeri dan daerah adalah disebabkan oleh bidang tugas yang diberikan adalah terlalu sedikit iaitu hanyalah melibatkan soal faraid

dan nikah kahwin. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan pentadbiran dan membaiki pentadbiran agama Islam pada peringkat negeri dan daerah.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar sungutan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan kesedaran ini timbul bukan sahaja hasil daripada sungutan tetapi ini hasil daripada kajian yang dibuat oleh pentadbiran Bahagian Agama Islam sendiri. Dan kerana itulah pada masa ini usaha-usaha untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah itu sedang rancak dijalankan menerusi persidangan-persidangan bagi beberapa buah jawatankuasa yang saya maksudkan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Memandangkan agama Islam ialah agama rasmi negara kita ini dan sekarang ini selalu sangat kita dicemooh-cemooh kononnya kita meletakkan agama Islam ditempatkan di satu jabatan iaitu Jabatan Perdana Menteri ataupun di negeri-negeri di bawah Jabatan Agama, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah Kementerian bertaraf Menteri untuk melaksanakan, mengendalikan mengenai pentadbiran Islam di negara kita.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

PERTAHANAN NEGARA— KEDUDUKAN

9. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang setakat ini diambil oleh pihak Kementerian Pertahanan kita bagi memperkukuhkan kedudukan pertahanan negara kita selaras dengan

arus politik Asia Tenggara terutama di Vietnam dan Kampuchea.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan adalah sentiasa mengambil berat tentang keupayaan Angkatan Tentera supaya dapat menjamin kekukuhan kedudukan pertahanan negara. Dalam memperlengkapkan dan mempersiap sediakan anggota tentera bagi menghadapi segala kemungkinan serangan dari dalam dan dari luar negeri, salah satu faktor yang diambil kira adalah dengan mengikuti pergolakan arus politik serantau atau lebih tepat lagi di Asia Tenggara seperti apa yang berlaku di Vietnam dan Kampuchea.

Satu dari langkah untuk menguatkan keupayaan Angkatan Tentera ialah dengan meningkatkan lagi tahap latihan yang ada seperti melalui latihan bersama dengan negara-negara jiran, serta peningkatan latihan sama ada dari segi fizikal dan mental dalam menghadapi sebarang ancaman. Di samping itu pembelian peralatan tentera yang baru yang lebih moden dan sopsistikated juga dapat mempertingkatkan keupayaan Angkatan Tentera negara ini mengawal kedaulatan bangsa dan nusa.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah pun menyatakan langkah-langkah yang diambil di peringkat dalam negeri untuk memperkukuhkan lagi kedudukan negara. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pergolakan di Kampuchea ini masih lagi tidak reda, masih lagi bergolak, malahan dia telah pun mengancam keselamatan negara jiran kita iaitu Thailand. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada masanya

telah pun tiba kita memikirkan satu bentuk pakatan serantau di peringkat ASEAN ini dalam bidang pertahanan iaitu satu pakatan yang tidak boleh menjejaskan konsep ZOPFAN di rantau ini selain daripada kerjasama dua hala sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan itu. Adakah bermakna Ahli Yang Berhormat hendak mewujudkan sebuah pakatan tentera (military pact) di antara negara-negara ASEAN?

Tun Ismail bin Said: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pakatan pertahanan, satu bentuk pakatan pertahanan yang tidak boleh menjejaskan konsep ZOPFAN di rantau ASEAN ini.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Malaysia ada mempunyai perjanjian dua hala (bilateral agreement) di antara Malaysia dengan Thailand, Malaysia dengan Indonesia dan juga di bawah Five-Power Defence Agreement, kita mempunyai latihan bersama dengan 5 negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia sendiri. Pandangan kami di Kementerian Pertahanan latihan-latihan di bawah perjanjian tersebut mencukupi untuk mempertahankan negara kita.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dalam konteks kedudukan negara kita dan hubungan dengan negara-negara di rantau ini, negara Singapura mempunyai satu dasar ataupun strategi pertahanan negara di mana negara

tersebut lebih cenderung untuk mewujudkan keupayaan untuk menyerang sebagai satu langkah pertahanan.

Jadi, saya hendak bertanya adakah negara kita juga memikirkan untuk memakai satu dasar yang sama yang sebegini. Dan yang keduanya, adakah dasar ataupun strategi pertahanan Singapura yang sedemikian itu boleh menjadi satu ancaman kepada pertahanan negara kita sendiri dan juga tidakkah perkembangan yang macam ini sepatutnya menjadi satu faktor untuk ditimbang bagi membentuk dasar pertahanan negara kita pada masa akan datang.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, negara kita, seperti negara-negara jiran mempunyai strategi pertahanan kita sendiri, tidak mengira apakah strategi-strategi negara-negara jiran. Dari segi strategi pertahanan misalnya negara Singapura yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kami berpendapat bahawa strategi mereka tidak mengancam Malaysia bahkan perbincangan di antara Kementerian Pertahanan kedua-dua negara kita ini akan complement, dengan izin, antara satu dengan lain.

Dari segi adakah kita mempunyai dasar pertahanan sendiri, jawapannya ya, kita mempunyai dasar kita sendiri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sempadan negeri Thailand telah menjadi satu medan peperangan yang terakhir tentang ancaman ketenteraan Vietnam dan memandangkan keadaan politik yang tidak begitu stabil di negeri Thailand, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada negara kita, pihak Kerajaan, mempunyai satu strategi dan rancangan ketenteraan yang akhir ataupun contingency

military plan, supaya menghadapi kemungkinan akhir bahawa angkatan tentera Vietnam akan mengancam sempadan ataupun perairan negara Malaysia?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan awal tadi bahawa kita sendiri di Malaysia ini mempunyai dasar pertahanan kita dan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam perkiraan satu strategi yang akan menjaga ketahanan negara kita.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tiap-tiap negara yang kuat ketenteraannya ialah tentera tempatannya, pendek kata dilipat gandakan, misalnya tentera di Russia ada setengah daripada tenteranya adalah tentera tempatan, di China pun begitu juga, adakah negara kita ini mempunyai tentera tempatan yang berlipat ganda dengan tentera asal? Yang saya dapat tahu adakah benar tentera Wataniah atau tentera tempatan kita apabila dijemput masuk dalam tentera Wataniah ini mereka menolak, tidak hendak, adakah benar?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selepas jatuhnya Vietnam Selatan ke tangan Kerajaan Komunis pada tahun tujuh puluhan, negara kita telah mengubah dasar pertahanan kita dan mewujudkan satu projek yang digelar Perkembangan Istimewa Angkatan Tentera, atau dengan nama pendeknya PERISTA. PERISTA ini oleh kerana kita mempercepatkan pengambilan angkatan tentera dalam masa yang singkat, maka kita mengabaikan tentera tempatan seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Namun demikian sekarang Kementerian Pertahanan telah

membuat satu kajian di mana kita memberi keutamaan kepada dasar mengambil banyak lagi, mewujudkan tentera tempatan seperti Askar Wataniah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Insya Allah, apabila kajian itu selesai, kita akan mengimplementasikan dasar itu ke seluruh negara.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tambahan. Di dalam menjaminkan keselamatan negara kita daripada ancaman musuh, adakah pihak Kementerian Pertahanan mengambil kira dari segi penempatan pasukan-pasukan PELAPIS kita? Umpamanya, keadaan di Thailand, sekarang begitu bergolak, sekarang kita ada pasukan kita di Kroh dan Gerik, tetapi tidak ada pasukan pertahanan PELAPIS yang berhampiran apabila berlaku sesuatu keadaan, untuk menghantar bantuan terlalu jauh kalau pasukan kita berada di Ipoh dan Taiping. Adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Lenggong sebagai salah satu tempat untuk menempatkan pasukan PELAPIS bagi menjaga pertahanan di sebelah utara negara kita?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana satu strategi pertahanan untuk mempertahankan negara kita ialah satu perkara yang rahsia, saya tidak dapat membuat satu kenyataan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita selalu mendengar, terutamanya daripada Angkatan Tentera, menyatakan membeli senjata-senjata yang sophisticated, bahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun telah menyatakan membeli senjata yang begitu sophisticated, tetapi saya

ingin tahu daripada Timbalan Menteri, sophisticated yang macam mana, misalnya kapalterbang — kita beli kapalterbang Skyhawk yang telah dipakai, yang tidak mahu dipakai oleh pihak Amerika. Itukah yang dikatakan sophisticated?

Yang kedua, bagaimanakah cara kita di dalam segi hendak mengerahkan tenaga tentera kita kerana negara kita tidak ada cara National Service. Jadi macam mana cara, andainya (in case) terjadi perang terbuka, bagaimana cara kita hendak mengumpulkan, hendak menarik supaya ramai daripada kalangan pemuda-pemuda menyertai Angkatan Tentera kita?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan alat-alat kelengkapan yang sophisticated seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kapalterbang Skyhawk, walaupun kapalterbang itu sudah terpakai, istilah 'sophisticated' yang dimaksudkan oleh saya di sini ialah berkenaan dengan, dengan izin, "electronics dan avionics" yang akan memberi pemandu atau pilotnya dengan cekap lagi daripada keadaan Skyhawk yang asal. Maklumlah, dalam peperangan yang moden pada hari ini yang penting sekali ialah "electronic warfare". Mereka tidak lagi, dengan izin, "dog-fight" di antara satu kapal pejuang dengan kapal pejuang yang lain. Mereka kadangkadangkang berpuluh batu jarak jauh dari satu dengan lain dapat menembak sebuah kapal pejuang yang menggunakan alat-alat yang baru itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan peperangan yang begitu sophisticated itu, adakah Menteriannya bercadang untuk membeli "AWAC" untuk berbuat demikian?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, malangnya peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertahanan untuk tahun hadapan hanya \$430 juta. Ini tidak mencukupi untuk membeli sebuah kapalterbang "AWAC" yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, perkara yang pada hemat saya bukanlah rahsia tetapi perlu ditanya dan mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertahanan negara kita belum pernah kita uji di dalam satu peperangan dan kita harap jangan diuji walaupun kita sudah ada latihan demi latihan dengan tentera-tentera atau kawan-kawan kita di rantau ini. Andai kata berlaku perkara yang kita tidak ingini, dalam hemat Timbalan Menteri Pertahanan, bolehkah atau tidak kita mempertahankan negara kita? (*Ketawa*).

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya insya Allah (*Ketawa*), asal semua rakyat Malaysia mencintai negaranya, insya Allah, kita akan mendapat kemenangan!

PILIHANRAYA PARLIMEN/ NEGERI—PERATURAN

10. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menetapkan satu peraturan di mana seseorang calon dari sesuatu parti politik cuma dibenarkan bertanding dalam pilihanraya Parlimen atau Negeri dan bukan kedua-duanya agar Wakil Rakyat akan lebih banyak masa untuk memberi khidmatnya kepada rakyat di kawasannya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan peraturan di mana seseorang calon dari sesuatu parti politik cuma dibenarkan bertanding sama ada untuk bahagian pilihanraya Parlimen atau Negeri sahaja.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang menetapkan satu peraturan di mana Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang keluar atau mengkhianati parti mereka akan dikehendaki mengosongkan kerusi mereka kerana pecah amanah rakyat dan memberi contoh tauladan yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan itu (*Ketawa*). Tidak bersangkut.

RANCANGAN KESEDAR— JUMLAH PESERTA

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah jumlah peserta-peserta Rancangan KESEDAR yang telah diberi geran hakmilik tanah. Sila butirkan mengikut rancangan-rancangan tanah yang berkenaan. Nyatakan apakah syarat-syarat yang melayakkan peserta yang berkenaan diberi geran hakmilik itu.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), terdapat 32 Rancangan Kemajuan Tanah (RKT). Dari jumlah tersebut 8 buah RKT adalah dibangunkan oleh KESEDAR, manakala 24 buah lagi dibangunkan oleh TAKDIR (Perbadanan Pembangunan dan Pemulihan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim) dan telah diserahkan

kepada KESEDAR mulai 1hb Jun, 1983. Setakat ini belum ada lagi hakmilik tanah yang telah dikeluarkan kepada peserta-peserta 8 buah RKT yang dibangunkan oleh KESEDAR. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari 24 buah RKT, TAKDIR yang telah diserahkan kepada KESEDAR itu, sebanyak 10 RKT telah pun dikeluarkan hakmilik sementara iaitu QT kepada peserta-pesertanya.

Butir-butir terperinci adalah seperti berikut:

<i>Rancangan</i>	<i>Bilangan peserta</i>	<i>Hakmilik yang telah dikeluarkan</i>
Jaka	64	69
Bukit Lakota	69	84
Mengkibang	169	169
Cenulang	162	209
Bahagia	48	63
Temalir	76	77
Sungai Sok	69	72
Sungai Rik	55	55
Sungai Sam	83	83
Sungai Peria	92	104

Bilangan hakmilik lebih banyak daripada bilangan peserta oleh sebab ada peserta yang mendapat lebih dari satu lot. Sepatutnya tiap-tiap peserta mendapat tiga lot, ladang 6 ekar, dusun 2 ekar dan tapak rumah setengah ekar. Apa yang berlaku ialah ada peserta yang mendapat 3 lot, ada peserta yang mendapat 2 lot dan ada peserta yang mendapat 1 lot sahaja. Bagi peserta yang mendapat 1 lot iaitu ladang, ia mendirikan rumah di lot ladangnya. Syarat-syarat yang melayakkan peserta-peserta RKT diberi hakmilik ialah:

1. mengusahakan lot sehingga berjaya;
2. menetap dalam ladang;
3. mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh KESEDAR dari masa ke semasa;
4. lot-lot telah diukur;

5. menjelaskan wang cengkeram (deposit), premium yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri; dan

6. menandatangani surat perjanjian KESEDAR dengan peserta.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah di antara peserta-peserta dalam rancangan RKT KESEDAR itu yang telah dihalau keluar ataupun dibuang daripada rancangan itu kerana kesalahan tatatertib. Saya juga ingin tahu ada atau tidak tanah-tanah peserta yang dibahagi kepada mereka itu dirampas balik oleh pihak Kerajaan kerana peserta tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan kepada mereka.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peserta-peserta yang telah meninggalkan rancangan. Bagi mereka yang meninggalkan rancangan dengan sendiri, ikat perjanjian itu terbatal maka terpulanglah balik kepada pihak berkuasa RKT (Rancangan Kemajuan Tanah). Sama ada mereka meninggalkan secara sukarela atau dibuang, saya tidak ada mendapat butiranya dan kalau ada notis, saya akan menghantarkannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Adakah Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah sedar pelaksanaan dan juga pengawasan KESEDAR tidak sempurna dan juga mungkin perbelanjaan bertambah dengan adanya pejabat di Kota Baru dan projeknya di Ulu Kelantan. Bilakah Ibu Pejabat KESEDAR ini akan dipindahkan ke Ulu Kelantan dan juga supaya pengawasan akan dapat diamati lagi.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya ialah masalah geran dan melayakkan peserta-peserta mendapatkan geran. Jadi terkeluar dari soal asal.

YASSER ARAFAT—PERMIT RAPAT UMUM

12. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sebarang permit polis telah dikeluarkan bagi rapat umum yang diadakan sempena lawatan Yasser Arafat baru-baru ini. Jika ya:

- (a) siapakah yang memohon permit tersebut;
- (b) bilakah permohonan tersebut dibuat dan bilakah ianya diluluskan; dan
- (c) sama ada sebarang syarat telah disertakan dengan permit tersebut, jika ya, apakah syarat-syarat tersebut dan jika tidak, mengapa tidak terdapat sebarang syarat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa lawatan Tuan Yang Terutama Encik Yasser Arafat, Pengerusi PLO, adalah merupakan satu lawatan negara yang diundangkan oleh Kerajaan Malaysia. Atas sebab-sebab keselamatan dasar politik antarabangsa, lawatan ini diatur dengan begitu teliti dan diberi taraf "Top Secret". Oleh yang demikian segala aturcara lawatan tersebut diadakan dengan begitu rahsia dari awal ketibaan sehingga Tuan Yang Terutama berangkat pulang. Salah satu aturcara yang diadakan ialah majlis perhimpunan di Stadium Negara yang dianjurkan oleh pihak UMNO mewakili Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah juga saya menjelaskan di sini bahawa daya

usaha yang telah dibuat oleh UMNO Malaysia adalah semata-mata dengan hasrat untuk menggabungkan semua golongan kaum di negara ini tanpa mengira parti atau fahaman politik mereka terhadap sokongan rakyat negara ini kepada perjuangan PLO. Langkah ini juga adalah sejajar dengan dasar luar negara kita yang menyokong perjuangan mewujudkan sebuah negara Palestine yang merdeka dan berdaulat. Perhimpunan tersebut dihadiri oleh semua wakil komponen parti Barisan Nasional seperti MCA, MIC dan GERAKAN dan termasuk juga orang ramai yang jumlahnya dianggarkan kira-kira 15,000 orang. Oleh kerana perhimpunan tersebut melibatkan semua kaum dan parti-parti politik, dengan itu masalah ancaman kepada ketenteraman awam tidaklah timbul sama sekali. Perhimpunan yang diadakan di Stadium Negara sempena dengan lawatan tersebut adalah dipohon oleh Setiausaha Kerja UMNO Malaysia. Permohonan tersebut dibuat pada 29hb Julai, 1984 dan diluluskan pada 21hb Julai, 1984. Di antara syarat-syarat yang dikenakan kepada perhimpunan tersebut ialah:

1. Pembesar suara hendaklah diarahkan ke dalam bangunan;
2. Keselamatan adalah tanggungjawab pihak penganjur.

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perjumpaan atau perhimpunan ramai ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada 13hb Mei tahun ini, pihak DAP telah mengadakan satu rapat umum di Rengit, kawasan saya dan telah pun juga mengadakan perarakan. Saya hendak tahu sama ada pihak Kementerian ada memberi kebenaran atau permit kepada perarakan ini. Sebagaimana saya diberitahu pihak polis tidak dapat berbuat apa-apa tindakan sekiranya mereka tiada permit kerana hanya boleh melihat

sahaja jikalau ada berlaku apa-apa pergaduhan dan sebagainya, tetapi tidak boleh berbuat apa-apa. Adakah itu benar?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan bagaimana pembesar suara itu boleh diletakkan sehingga suara itu tidak terkeluar daripada Stadium Merdeka. Kedua, bolehkah Yang Berhormat dan Kementerianya meluluskan permit seperti ini kepada DAP?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat itu pun tidak bersangkutan.

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat. Tidak hadir.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

KERETA MALAYSIA—PROTON SAGA

2. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan Kereta Proton Saga buatan Malaysia, rupa bentuknya samalah seakan-akan kereta Jepun, dan injinnya pun barangkali juga seakan-akan kereta Jepun, mengadakan dan menjayakannya ada hubungannya dengan Jepun, maka adakah harapan kita akan mendapat pasaran di luar negeri; jika ya, bagaimana tentang harganya adakah lebih murah dari harga-harga kereta-kereta Jepun; kalau lebih murah anggarannya berapa peratus; atau akan dijual dengan lebih kurang harga

seperti kereta-kereta Jepun; jika ya, tidakkah mereka itu akan memilih terus membeli kereta-kereta Jepun yang memang telah terkenal di dunia sedangkan kereta Malaysia baru muncul kukuh tak kukuh belum tahu lagi; maka apakah langkah-langkahnya untuk mendapatkan sambutan yang hebat bagi kereta Malaysia di kalangan asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui rupa bentuk kereta-kereta pada hari ini adalah universal ataupun sejagat mahupun ianya dari Jepun ataupun dari negara-negara Barat. Pada masa ini kebanyakan kereta-kereta berbentuk aero-dynamic oleh kerana pembuat-pembuat kereta menitikberatkan soal, dengan izin, fuel efficiency iaitu kereta itu ringan supaya tidak banyak minyak digunakan. Dan di mana yang boleh ciri-ciri kemalaysian akan diberi keutamaan.

Memang kita bercadang untuk mengeksport kereta nasional kita. Walau bagaimanapun, di peringkat awal kita masih belum bersedia lagi. Kajian dan persiapan yang rapi dan lengkap mestilah dibuat sebelum kita mengeksport kereta nasional ke pasaran antarabangsa.

Untuk mendapat sambutan yang hebat kereta nasional terlebih dahulu mestilah competitive atau mampu bersaing dengan yang lain-lain. Semua pihak yang terlibat dalam projek ini akan berusaha dan terus berusaha membuat kereta nasional kita competitive. Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita belum dapat menentukan harga kereta Malaysia. Hanya apabila Proton Saga mula keluar daripada kilang Proton di Shah Alam pada pertengahan 1985 maka barulah kita dapat menetapkan harga

tiap-tiap satu unit Proton Saga itu yang keluar dari kilang. Jadi, buat sementara bersabarlah dulu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan penerangan Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa bentuk kereta ini adalah bentuk sejagat, universal tetapi walau bagaimanapun, ciri-ciri kemalaysiaan akan dimasukkan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi satu contoh bagaimana dikatakan ciri kemalaysian yang akan di masuk ke dalam bentuk kereta kita.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini bukan sahaja terpulang kepada kebijaksanaan Kerajaan ataupun pengurusan Proton, imaginasi ataupun pemikiran mereka, tetapi juga kepada rakyat Malaysia. Misal kata di Filipina, Jeep ataupun kereta Jeepney seperti juga sejagat, ada empat roda, lampu di hadapan, steering di sebelah kanan dan sebagainya, tetapi mereka membuat hiasan dan rekaan di mana yang boleh di atas kereta itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini, minta maaf, saya tidak bolehlah tekankan di sini pada ketika ini apa dia kemalaysian itu tetapi seberapa boleh saya rasa tujuan saya tadi itu adalah kita akan memperlihatkan bahawa kereta itu ada ciri-ciri yang menunjukkan kereta ini adalah kereta Malaysia.

Tuan Tew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah benar enjin-enjin yang akan digunakan di dalam kereta buatan Malaysia itu ialah jenis enjin yang lama namanya "Orient" yang tidak akan digunakan di negeri Jepun.

Saya telah membuat lawatan ke Jepun dengan Proton Saga dan saya mendapat maklumat iaitu enjin

"Orient" ini adalah berumur 10 tahun lebih dan sudah jadi obsolete.

Soalan saya ialah dengan keadaan begitu macam mana kita boleh bersaing dengan kereta-kereta yang menggunakan enjin yang lebih moden dan dengan perlindungan yang diberikan oleh Kerajaan apakah persaingan yang akan timbul kalau perlindungan itu dihapuskan pada suatu masa nanti.

Datuk Dr James P. Ongkili: Dugaan yang menyatakan Proton Saga akan dilengkapi dengan jentera atau enjin yang lama adalah tidak benar. Tujuan Kerajaan semenjak Proton ditubuhkan untuk mengeluarkan kereta Malaysia ini adalah untuk menggunakan jentera-jentera yang kemas kini (up-to-date) dengan izin.

Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan kilang dan kemudahan-kemudahan lain telah mencapai 75% pada ketika ini. Pemasangan mesin dan jentera akan siap pada pertengahan Februari 1985. Ini akan diikuti dengan ujian jentera dan mesin sehingga akhir bulan April 1985 dan pengeluaran percubaan akan dimulakan pada bulan Mei, 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 adalah diberi di bawah).

PIL RAMADHAN

13. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah penggunaan pil ramadhan itu telah dirujuk kepada Mufti-mufti dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Negeri masing-masing sebelum diluluskan bagi kegunaan wanita-wanita Islam di Negeri-negeri masing-masing.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa iaitu sama ada penggunaan pil tersebut dirujuk kepada Mufti-mufti dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Negeri masing-masing, saya berpendapat eloklah Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada pihak Dewan Undangan Negeri masing-masing.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan (Tambahan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem Sabah, Ordinan Setem Sarawak, Enekmen Duti Harta Pusaka 1941, Ordinan Duti Harta Pusaka Sabah, Ordinan Duti Harta Pusaka Sarawak dan Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PEMINDAHAN SYER (SYARIKAT BERASASKAN TANAH)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penganan, pentafsiran dan pemungutan cukai atas pelupusan syer-syer dalam syarikat berasaskan tanah dan perkara-perkara yang

bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (31hb Oktober, 1984).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” (31hb Oktober, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila teruskan.

3.39 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, sambungan saya pada hari ini atas ucapan saya semalam, iaitu saya menyentuh mengenai perkara yang telah diharamkan oleh Kerajaan tentang nama “Allah” dan nama “Muhamad” dalam simbol sebuah parti.

Dan saya tegaskan semalam bahawa dalam segi hukum dalam mengenai cancel atau mengharamkan nama-nama “Allah” atau nama “Muhamad” atau ayat-ayat Al-Quran di simbol-simbol ataupun di letter-heads itu adalah berhak kepada Kerajaan kerana bertujuan untuk memuliakan ayat itu sendiri. Kerana biasa-biasanya ayat-ayat Al-Quran ditulis pada letter-head dan kertas itu dibawa ke mana-mana tempat yang tidak begitu sempurna seperti ke bilik air atau diterbangkan angin ataupun dibawa ke mana-mana tempat yang tidak begitu sesuai dengan kemuliaan ayat Allah dan ayat-ayat suci seperti nama Allah dan nama Rasul itu.

Seperti apa yang kita tengok, musim pilihanraya poster-poster ditampal di pokok kelapa, di bilik air, di tepi-tepi jalan, di motokar-motokar buruk, ada tulisan ayat-ayat Allah s.w.t. Oleh yang demikian, perkara yang seumpama ini mestilah pihak Kerajaan mengharamkan tulisan-tulisan ini, sekiranya pihak yang berkenaan tidak sanggup

bertanggungjawab menjaga kedudukan kemuliaan ayat-ayat Allah itu. Di atas kesimpulan ini boleh kita petikkan daripada Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: Jangan kamu pernilaikan ayat-ayatKu dengan harga yang murah. Itu pun boleh disedut dan boleh ditakdikan kepada ayat suci tadi. Ertinya boleh lagi ditapis, jangan kamu beli ataupun jangan kamu pernilaikan ayat-ayatKu dengan harga yang murah. Erti kita tidak menggunakan ayat-ayat Allah ataupun tidak memakai apa-apa hukum-hukum Allah, setakat mana apa yang kadar kita kuasa. Begitu juga di atas menjaga kemuliaan ayat-ayat suci itu adalah satu perkara kewajipan bagi Kerajaan. Seperti di kedai-kedai kopi, kadang-kadang di kedai-kedai bukan kedai orang Islam adanya tulisan-tulisan ayat-ayat Allah ini, maka perlulah diambil perhatian.

Selain daripada itu, ingin saya menyentuh mengenai kepentingan rakyat iaitu mengenai perkara Tabung Haji. Sungguhpun tadi pihak Tabung Haji telah memanggil, memberi taklimat mengenai aktiviti-aktiviti Tabung Haji. Dengan yang demikian, di sini sukalah saya memberi pandangan sedikit lagi sebagai sambungan ucapan saya semalam, demi untuk menjaga dan kepentingan rakyat Malaysia khususnya umat Islam yang tiap-tiap tahun pergi menunaikan fardhu haji iaitu lebih dari 20,000 orang tiap-tiap tahun. Maka mustahaklah kepada Kerajaan memberi perhatian yang serius dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang memuaskan kepada semua jemaah haji ini. Begitu juga bagi pihak Tabung Haji sendiri hendaklah memberi perkhidmatan yang ikhlas, suci hati selain daripada menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pegawai Kerajaan dan sebagainya. Maka hendaklah memberi tumpuan yang ikhlas kerana 20,000 atau 30,000 ini kesemuanya terdiri daripada umat-umat Islam yang mahu pergi beribadat

kepada Allah, dan hidupnya Tabung Haji, adanya Tabung Haji di negara kita ini dengan kemajuan-kemajuan yang begitu pesat ialah terdiri daripada wang-wang orang Islam, wang-wang yang amat suci kerana daripada wang mereka yang mahu beribadat kepada Allah. Oleh itu bagi pihak pegawai-pegawai Tabung Haji sendiri dalam perkhidmatan mereka itu sebagai beribadat juga.

Perkara yang paling penting di sini yang saya hendak sebutkan ialah perkara besar, iaitu saya mencadangkan, memandangkan aktiviti Tabung Haji ini ialah aktiviti yang tidak boleh diluputkan selagi adanya matahari dan bulan ataupun selagi adanya dunia ini belum kiamat, maka selagi itulah adanya Tabung Haji, insya Allah. Selagi adanya umat-umat Islam di atas muka bumi ini, khususnya di Malaysia untuk menunaikan fardhu haji, maka selagi itulah insya Allah Tabung Haji ini akan berkekalan. Dengan yang demikian, memandangkan kepada aktiviti Tabung Haji dan kecergasan urusan perjalanan Tabung Haji dalam segi perniagaan dan lain-lainnya adalah sangat aktif yang boleh dibandingkan dengan mana-mana aktiviti-aktiviti dalam sektor-sektor lain. Dan daripada setahun ke setahun tidak akan mungkin kurang jemaah-jemaah haji ini akan pergi ke Mekah dan yang memasuki, menyertai simpanan-simpanan dalam Tabung Haji.

Pergerakan-pergerakan atau aktiviti Tabung Haji untuk memajukan Tabung Haji tentu sekali tidak akan kurang daripada satu hari ke satu hari, tahun ke tahun hinggalah sepanjang-panjang masa. Dengan yang demikian, cadangan saya ini ialah saya mahu mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mengadakan Kementerian Haji atau mewujudkan Kementerian Haji dan Khairat.

Sebagaimana di negara-negara lain seperti Saudi Arabia ada Kementerian Haji dan Wakaf, di situ ada seorang Menteri Haji dan Wakaf, begitu juga di Mesir ada Kementerian Haji dan Wakaf, di Kuwait juga ada Kementerian Haji dan Wakaf dan banyakkah negara-negara Islam yang lain ada Kementerian Haji dan Wakaf. Tetapi kita di Malaysia ini kerana memandangkan harta-harta wakaf-wakaf itu adalah perkara yang dikuatkuasakan oleh negeri, barangkali boleh kita tukarkan iaitu kita tidak wujudkan misalnya Kementerian Haji dan Wakaf, tetapi diwujudkan Kementerian Haji dan Khairat, ertinya khairat harta-harta kebajikan, derma-derma kebajikan dan sebagainya. Derma-derma kebajikan ini selain daripada umat Islam di Malaysia sendiri, banyak negara-negara yang bukan negara Islam, umat-umat Islam yang ada di South Africa, umat-umat Islam yang ada misalan di Amerika, umat-umat Islam yang ada bermukim tidak dalam negara Islam, mereka itu banyak derma-derma yang mereka hendak beri dan banyak di antara Persatuan-persatuan Kebajikan mereka menyimpan wang-wang ini tidak tahu ke mana hendak diberi. Dengan adanya Kementerian Haji dan Khairat ini, mereka tidak daripada negara Malaysia pun harus mereka itu akan mahu menyertai membuat khairat dalam Kementerian Haji dan Khairat tadi. Dan apa yang bersangkutan-paut dengan perkara-perkara hal-ehwal yang patut dimasukkan di bawah Kementerian Haji dan Khairat tadi bolehlah dimasukkan di situ apa yang difikirkan patut. Ini satu daripadanya untuk meringankan kepada bebanan-bebanan yang ada di Jabatan Perdana Menteri.

Umpama kata Tabung Haji sekarang duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk meringankan, kerana kita tahu bahawasanya Jabatan

Perdana Menteri ataupun Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah Menteri-menteri yang sangat-sangat banyak aktiviti-aktiviti yang mahu dijalankan, tambah pula dengan urusan haji, dengan adanya Kementerian Haji dan Khairat ini untuk meringankan kepada bebanan-bebanan ini.

Saya rasa amat sesuai, sudah sampai masanya, sesuainya pula kita hari ini kalau kita rujukkan kepada penerapan-penerapan nilai-nilai Islam. Adanya Kementerian Haji dan Khairat ini boleh digambarkan bahawa satu daripada mata yang boleh disebut bahawa satu daripada penerapan nilai-nilai Islam di negara kita. Maka apa yang saya sebut ataupun cadangan saya ini sama ada bagi pihak Kerajaan boleh difikirkan sebagai cadangan jangka pendek atau jangka panjang, akan tetapi saya benar-benarlah mengharapkan agar Kerajaan merestukan apa yang saya cadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.51 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 ini biarlah saya dahulukan dengan ucapan amat dukacita dan kesal sekali terhadap telatah dan kelakuan Ketua Pembangkang yang membantah keputusan Timbalan Yang di-Pertua pada 29-10-84 yang merupakan satu penghinaan atau tidak menghormati Dewan yang mulia ini. Perbuatan kurang sopan dan kalau hendak dikatakan tidak baik, boleh dikatakan, tetapi saya tidak mahu kata-kata yang lebih daripada itu tetapi apabila beliau lari keluar Dewan ini dengan perasaan memberontak dengan mengatakan

Dewan ini tidak berguna, jadi seolah-olah orang yang tidak waras lakunya. Mungkin tidak berguna Dewan ini tetapi berguna bagi mereka mendapat wang tiap-tiap bulan untuk masuk poket dan untuk makan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 ini, Belanjawan Negara tahun depan yang boleh dikatakan baik dan tidak mengejutkan. Perubahan-perubahan cukai dan perbelanjaan-perbelanjaan adalah merupakan perkara biasa bagi sesebuah Kerajaan dalam menentukan bekalan kewangan tahun akan datang. Kita percaya semuanya ini dilakukan di dalam keadaan yang sedar dan melalui kajian yang mendalam. Dalam pada itu, kita tidak dapat menafikan adanya kekurangan dan ketidaksenangan pihak-pihak terlibat, terutama pihak-pihak yang mendapat kerugian atau tidak dapat mengaut keuntungan yang besar dari perubahan cukai Belanjawan ini. Begitulah juga pihak Pembangkang DAP yang sentiasa mencari salah, yang kecil-kecil dibesar-besarkan seolah-olah dia sahalah yang handal dan tahu tentang Belanjawan ini. Kita tidak mahu mencari publisiti dengan memburukkan orang lain, tetapi sebaliknya carilah publisiti dengan membuat kemajuan dan kebaikan kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita juga tahu beberapa kekurangan, tetapi kekurangan itu tidak akan menjejaskan ekonomi negara, lebih-lebih lagi Menteri Kewangan yang baru sudah tentulah timbul sedikit sebanyak kekurangan. Insya Allah, kekurangan ini akan dapat diatasi dalam masa kewangannya pada masa akan datang demi untuk kepentingan orang-orang miskin ataupun untuk menguntungkan orang-orang yang berpendapatan rendah dan ini merupakan hasrat sebahagian besar rakyat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling senang dan sedap dalam dunia ini ialah mengumpat, mengata kepada orang lain salah dan tak betul dan yang paling senang dan mudah dilakukan ialah menjahanamkan atau merosakkan apa-apa sahaja yang dibuat oleh orang lain dan yang paling buruk sekali perangai manusia ialah orang lain buat semuanya tak betul dan suruh dia buat, haram tak jadi dan pemimpin yang paling jahil sekali ialah pemimpin yang semua kata-katanya dianggapkan betul dan semua kata-kata orang lain diputarbelitkan bagi menegakkan benang basah mereka, kerana orang yang putarbelitkan perkataan orang lain itu adalah fitnah dan fitnah ini adalah lebih bahaya daripada membunuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dan membaca ucapan dari pihak Pembangkang yang menuduh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1985 ini mementingkan orang kaya lebih daripada orang miskin dengan penurunan cukai pendapatan 1% kepada mereka yang berpendapatan rendah dan 15% kepada mereka yang berpendapatan tinggi. Sekali pandang memanglah begitu, tambah-tambah kepada orang yang hendak mencaci Menteri Kewangan dan juga Kerajaan dengan tuduhan yang bukan-bukan.

Cuba kita perhatikan Ucapan Belanjawan. Cukai-cukai dikenakan untuk mencapai objektif negara seperti bagi pertumbuhan dan perlindungan kepada industri tempatan. Dalam Belanjawan kali ini beberapa cukai dikurangkan dengan tujuan dan harapan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya pengeluaran dengan matlamat utama Kerajaan ialah memperkukuhkan ekonomi negara. Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya pengeluaran, maka sewajarnya orang yang berpendapatan banyak dan

mempunyai daya pengeluaran yang tinggi akan mendapat insentif yang lebih baik atau yang lebih banyak kerana pertumbuhan ekonomi negara dan juga daya pengeluaran negara adalah terletak kepada pengusaha-pengusaha, orang-orang profesional dan juga ahli-ahli perniagaan yang maju dan juga mereka yang bekerja keras untuk menjadikan pertumbuhan ekonomi lebih cepat dengan daya pengeluaran yang menggalakkan ke arah mengukuhkan ekonomi negara kita.

Kita tidak boleh membandingkan polisi pengurangan cukai kepada individu semata-mata, tetapi kita hendaklah membandingkan ke arah pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya (total). Misalnya, kepada orang yang berpendapatan kena cukai \$10,000 ke bawah, pengurangannya \$125 dan pendapatan kena cukai bagi \$50,000 berhak mendapat pengurangan cukai \$5,125, sebagaimana yang dikira oleh Pembangkang kita, tetapi yang \$10,000 ke bawah itu ada 1,000 orang misalnya tetapi yang \$50,000 itu hanya ada 10 orang, maka Kerajaan mesti mengurangkan kepada orang yang berpendapatan rendah \$125,000 dan kepada berpendapatan tinggi hanya \$51,250 sahaja, ini sebagai contoh. Tetapi kita kena ingat dari segi pertumbuhan ekonomi dan daya pengeluaran negara, orang yang 10 orang ini lebih penting daripada orang yang 1,000 orang tadi, begitu jugalah dari segi memperkukuhkan ketahanan negara, 10 orang penyokong daripada Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, ulasan yang saya kemukakan ini bukanlah saya tidak bersetuju dengan pengurangan cukai yang lebih kepada orang-orang berpendapatan rendah, tetapi adalah untuk memberi fahaman kepada pemimpin-pemimpin yang memakai kaca mata hitam yang sudah tentu kurang terang dan memutarbelitkan

matlamat sebenar Kerajaan kita bagi kepentingan politik mereka seolah-olah mereka ini merupakan pejuang dan juga pembela orang-orang miskin. Sebenarnya, mereka ini tidak ada apa-apa, cumalah penglibatan mereka itu boleh menambah atau mengeruhkan keadaan dan juga bertambah kusutnya lagi masalah sebagaimana yang berlaku di Kampung Bercham misalnya, baru-baru ini Ketua Pembangkang berkata dia bekerja untuk menyelesaikan masalah di Kampung Bercham sampai tak tidur malam, tetapi di tempat saya ramai pencuri dan penjenayah juga tidak tidur malam, tak tahu kerjanya buat apa, Tuan Yang di-Pertua. Janganlah kehendaknya kita berlagak sebagai hero orang-orang miskin (champion of the poor people), dengan izin. Sebenarnya tidak memberi kesan apa-apa dan juga pertolongan apa-apa kepada orang miskin, sebaliknya Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai projek dan peruntukan-peruntukan membantu para nelayan dan petani dan juga penjaja kecil lebih daripada apa yang difikirkan oleh Pembangkang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$278 juta untuk projek perumahan awam kos rendah di seluruh negara tahun 1985 adalah sewajarnya dan sepatutnya di dalam keadaan ekonomi meleset sekarang ini. Tentang masalah kemiskinan dan juga perumahan tidak akan selesai walaupun seluruh kewangan negara kita ditumpukan untuk dibelanjakan bagi mendirikan rumah-rumah kos rendah dan juga menghapuskan kemiskinan, kerana masalah ini tetap akan timbul dan akan tetap wujud selagi adanya manusia yang bernafsu. Mungkin pihak Kerajaan akan dapat mengurangkan keadaan masalah ini dan menyelesaikan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membandingkan dalam mengira

pertumbuhan ekonomi negara, projek membina rumah awam kos rendah ini dengan pembinaan Bangunan Dayabumi oleh UDA sebagaimana yang disuarakan oleh wakil dari Kota Melaka. Kita tidak boleh membandingkan projek menghapuskan kemiskinan dengan projek memperkayakan ekonomi negara kerana di dalam keadaan meleset Kerajaan mesti membina projek yang boleh mendatangkan hasil kepada negara demi untuk memperkukuhkan ekonomi negara ke tahap yang ada sekarang ini. Janganlah kita bercakap itu; menjadikan diri kita ini adalah seorang yang jahil dari segi pertumbuhan ekonomi negara.

Begitu jugalah dari segi hutang negara. Janganlah kita menuduh Kerajaan secara membabi buta, macam babi tunggal kata pepatah, kerana Kerajaan pernah berkata bahawa kita terpaksa berhutang untuk pembangunan negara kita dan hutang-hutang negara di dalam jangkaan kemampuan dan dapat dikawal. Sebagaimana dicatat di dalam laporan semakan Rancangan Malaysia Keempat bahawa hutang negara kita tidak pun sampai 20% dan ini adalah merupakan kemampuan dan juga dapat dikawal oleh Kerajaan. Sebenarnya apakah yang Kerajaan buat sekarang ini merupakan satu perkara yang dibuat itu dengan tidak usul periksa sebagaimana yang dituduh oleh pihak Pembangkang. Kerajaan tidak membabi buta membuat perkara ini tetapi orang menuduh dengan membabi buta inilah yang tidak seharusnya diberi pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, siapa dan negara manakah dalam dunia ini sebenarnya yang tidak berhutang? Negara terkaya, Amerika Syarikat pun berhutang untuk pembangunan negara. Tafsirkan kepada diri kita sendiri, kalau kita tidak berhutang

sudah tentu kita tidak dapat memiliki motokar, rumah yang besar dan cantik, barang-barang yang mahal dan sebagainya. Jadi berhutang telah menjadi perkara biasa bagi orang atau negara yang ingin maju. Lainlah kalau pihak Pembangkang yang berhutang, berniat hutang tak mahu bayar, ini tak tahulah. Tiap-tiap orang atau negara yang diberikan hutang itu adalah membuktikan keyakinan bank ataupun keyakinan negara-negara maju terhadap negara kita dan dari segi kemampuan dan juga potensi untuk maju sesebuah negara itu, itulah maka negara-negara itu diberi pinjaman.

Kita bersyukur dan berasa bangga kerana negara kita masih mendapat sanjungan dan kepercayaan negara lain dan juga institusi kewangan dunia terhadap kita, tetapi kalau hendak mencarikan salah dengan menggunakan kaca mata kabur serta dengan fikiran-fikiran yang songsang, sudah tentulah yang dibuat oleh Kerajaan itu tidak betul dan tidak benar kerana memang sifat memikirkan ke arah yang buruk sahaja adalah satu perkara yang diamalkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan diteruskan. Target pencapaian 30% sekurang-kurangnya ekuiti Bumiputera dalam sektor awam dan juga swasta hendaklah diteruskan dengan tegasnya oleh pihak Kerajaan kerana dalam membasmikan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah serampang dua mata yang saling kait-mengait. Penyusunan semula masyarakat tidak akan wujud selagi pembasmian kemiskinan tidak berhasil. Begitulah sebaliknya. Kedua-dua matlamat ini mesti dicapai serentak dan tak mungkin berjaya satu dan satu tidak. Oleh itu, dalam strategi Kerajaan dalam mencapai matlamat membasmikan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat

hendaklah berjalan seiringan dan sejajar dan mengenalpasti tempat-tempat yang wujud, kemiskinan di dalam negara ini dan kawasan-kawasan dan juga sektor manakah kemiskinan wujud dalam negara ini telah pun diketahui oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan wujud paling ketara sekali adalah di luar bandar dan sektor yang paling ketara sekali ialah sektor pertanian yang tidak menguntungkan maka tumpuan utama kepada tempat dan sektor yang dikenal-pasti inilah mesti didahulukan walaupun kita tahu kemiskinan akan wujud di mana-mana, di dalam sektor mana sekalipun.

Penekanan Kerajaan terhadap luar bandar dan sektor pertanian adalah penting untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan dalam membasmikan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat ada memperuntukkan sebanyak \$1,440 juta iaitu 19% daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan iaitu peruntukan yang diperuntukkan kepada pertanian dan nilai ini adalah patut ditambah memandangkan sektor ini merupakan asas ekonomi negara kita. 80% rakyat kita terlibat dalam sektor ini perlulah diberi pembelaan yang sewajarnya. Maaf, tadi saya sebutkan \$1,440 juta itu untuk peruntukan pembangunan sahaja dan peruntukan sebanyak \$334 juta bagi pembangunan pertanian; termasuk \$80 juta untuk subsidi baja padi dan \$249 juta untuk usaha pembangunan pertanian bersepadu dan jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberi bagi meningkatkan usaha dan kemajuan masyarakat nelayan yang hanya berjumlah 78 juta itu adalah amat sedikit yang diterima oleh pihak nelayan. Kerajaan mestilah memberi perhatian kepada petani dan nelayan untuk menentukan matlamat sebenar Dasar Ekonomi Baru kita.

Kalau tidak kegagalan Dasar Ekonomi Baru akan ketara sekali jika sekiranya pihak yang tertentu ini tidak diberi pembelaan, maka ketika inilah DAP akan bangun mencari dan mencemuh Kerajaan dengan kegagalan yang sentiasa didoakam oleh mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membasmikan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat ini Kerajaan hendaklah menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana di luar-luar kota terutama di pantai timur bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha menumbuhkan industri kecil dan juga sederhana ini di luar-luar bandar hendaklah mengadakan insentif atau pemberian cukai dengan mengecualikan cukai yang sepatutnya sekurang-kurangnya pengecualian cukai ini akan dapat menampung kos pengeluaran yang tinggi apabila kilang atau industri diwujudkan di luar-luar bandar ataupun di pantai timur. Dengan ini peluang pekerjaan dan juga pemindahan-pemindahan kemahiran akan dapat dinikmati untuk penduduk miskin di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, hendaknya Kerajaan pusat tidak akan mensiasikan Kerajaan negeri yang telah menyediakan tapak perindustrian yang luas dan cantik untuk menarik pemodal-pemodal dan pengusaha-pengusaha ke negeri mereka dengan pemberian pengecualian cukai dan kemudahan-kemudahan lain maka perkembangan industri kecil ini tidaklah lagi tertumpu di bandar-bandar besar dan kawasan-kawasan berhampiran ibu kota Kuala Lumpur. Dan hasrat Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat disamping membasmikan kemiskinan akan cepat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan bukanlah untuk membasmikan kemiskinan dan

penyusunan masyarakat semata-mata tetapi juga memberi hak yang sama dalam menikmati kekayaan ekonomi dan peluang-peluang pelajaran dan hak-hak memiliki permit dan lesen di dalam negara ini. Untuk memberi hak yang sama inilah Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, jangan kita memerhati hak yang sama ini untuk kepentingan satu pihak sahaja tetapi memikir keadaan semasa yang telah ada atau yang telah berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bumiputera telah ketinggalan dalam mencapai kekayaan ekonomi negara. Dan telah ketinggalan dalam peluang-peluang pelajaran tinggi dan juga amat kurang dalam memiliki lesen-lesen dan permit yang dikeluarkan oleh Kerajaan daripada mula lagi, dan lebih-lebih lagi lantikan pengedar atau, pohon izin, "distributor" di dalam negeri adalah amat kurang tidak pun sampai 10% terdiri daripada bumiputera, begitu juga lebih-lebih lagi 'franchise' daripada luar-luar negeri yang ada dalam negara ini tidak pun ada langsung bumiputera yang terlibat dan kalau adapun adalah amat sedikit dan tidak nampak. Jadi Dasar Ekonomi Barulah yang akan menimbangkan segala-galanya ini. Oleh itu, siapa yang menentang dan mengatakan Dasar Ekonomi Baru ini adalah untuk kepentingan sesuatu pihak sahaja, golongan inilah yang hendak melihat berlakunya kekuasaan ekonomi yang tidak adil dalam negara ini dan juga peluang-peluang pelajaran tinggi yang tidak seimbang dan juga memiliki lesen dan permit dan wakil pengedar dan 'franchise' dimonopoli oleh satu-satu pihak sahaja. Janganlah kaum-kaum lain merasai dengki ataupun tidak senang dengan keistimewaan yang ada dalam Dasar Ekonomi Baru yang diberi kepada bumiputera kerana keistimewaan yang diberikan ini merupakan perancangan untuk mengimbangkan dan hak yang sama di antara rakyat dan di antara kaum di dalam negara kita.

Kalau tidak mahu keadaan tidak seimbang akan berterusan, seperti yang kaya akan bertambah kaya, yang miskin akan terus miskin, yang bijak akan terus bijak dan yang kurang bijak akan terus mundur, ini yang kita tidak mahu. Keutamaan yang diberi dalam Dasar Ekonomi Baru adalah hasil daripada keadaan yang tidak seimbang yang wujud dalam masyarakat kita selama ini, yang kaya dan pintar akan terus merebut kekayaan dan akan menipu yang kurang pintar. Kita tidak mahu perkara keutamaan diberi dalam Dasar Ekonomi Baru diungkit-ungkit kerana Dasar Ekonomi Baru akan memberi hak yang sama dalam amalan demokrasi ekonomi negara kita, sebagai satu keupayaan bagi mengatasi kemiskinan dalam negara kita.

Kita akui kemiskinan tidak mengenal kaum tetapi kaum itu dapat mengenalkan siapa miskin dan siapa yang menguasai kekayaan. Memang hasrat Kerajaan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum tetapi dalam pelaksanaan nampak ketara sekali Kerajaan membantu golongan bumiputera kerana 90% kaum bumiputera adalah terdiri daripada orang yang kaya dengan kemiskinan. Apakah mereka itu dengki, apakah mereka itu dengki sekali, apabila Kerajaan mengadakan amalan penyertaan bumiputera sebagaimana yang disuarakan oleh wakil daripada Kepong penyertaan bumiputera dalam semua sektor ekonomi. Janganlah kita ini tamak sangat ataupun ikut DAP; maka celaka dan buruklah padahnya, kalau inilah sifat negara kita tidak akan menjadi aman dan harmoni kalau perkara kecil ini diungkit-ungkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa mewujudkan penyertaan bumiputera kerana equiti bumiputera di dalam kekayaan negara kita tidak pun sampai 20% sekarang ini. Dan di dalam Kajian Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Keempat, kita hanya mencapai 18% daripada 23% dalam bahagian ekonomi bumiputera yang dicadangkan dalam tahun 1983 yang lepas. Inipun dalam setengah-setengah sektor ekonomi bumiputera terlibat hanya tidak sampai 10% jika kita bandingkan dengan kaum-kaum lain. Kalau pemimpin sedar dan insaf maka perkara ini tidak perlu diungkit-ungkit lagi. Kalau tidak ada modal atau tidak ada isu hendak dikeluarkan dalam Dewan ini baiklah mereka itu duduk dan juga tidak payah bercakap dan mengulang-ulang perkara yang lepas kerana selama tujuh tahun saya di dalam Dewan yang mulia ini saya mendengar suara dan nada yang sama ditimbulkan oleh DAP, baik Ketua Pembangkang atau anak-anak buahnya, tidak ada modal lain yang ditimbulkan atau diungkit-ungkit beberapa kali. Janganlah kita mengejutkan harimau yang tidur kerana mereka itu suka mengejutkan harimau yang tidur. Harap Kerajaan tidak akan berganjak dan tidak akan mundur dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Sebaliknya Kerajaan akan bertambah tegas lagi hendaknya dengan hasrat dan kehendak-kehendak rakyat di luar bandar di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah kerana lebih daripada 20 minit sudah.

Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan cukai terhadap semua barangan import kepada 50% adalah wajar untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita, kita tidak perlu mendengar, kita tidak perlu mendengar apa-apa teguran ataupun komen dari "entrepreneur" ataupun ahli-ahli perniagaan dari luar negeri. Kita membuat sesuatu untuk kepentingan negara kita. Negara lain boleh buat sesuatu oleh kepentingan negara

mereka, mereka jangan cuba mengajar itik berenang. Kerajaan kita tahu apa yang mesti kita lakukan.

Pertumbuhan ekonomi negara, kekukuhan ekonomi negara dan juga kepentingan peniaga dan juga kepentingan dalam negara kita adalah lebih penting daripada masalah dan kepentingan negara lain.

Kerajaan hendaklah bertegas dan tidak akan bertolak-ansur, jangan hendaknya kera dihutan disesui anak dipangkuan dilepaskan. Apa-apa suara daripada luar negeri yang membantah kenaikan cukai 50% tidak harus diambilkira dan didengar oleh pihak Kerajaan. Hendaknya Kerajaan tidak akan terpengaruh ataupun akan mengambilkira dengan suara sumbang daripada luar negeri yang cuba hendak masuk campur di dalam keadaan kewangan negara kita. Lebih-lebih dalam perkara nilai-nilai matawang yang dipermainkan oleh setengah pihak yang menyebabkan dan menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita juga Kerajaan seharusnya mengambil tindakan tegas terhadap mereka-mereka yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan teras yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu usaha itu ialah rakyat. Kerajaan hanyalah sebagai pemegang amanah bagi rakyat. Oleh itu semangat dan perpaduan antara rakyat sangatlah penting jika kita semua ingin terus menikmati kebahagiaan, keamanan dan juga kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum tetap wujud selagi adanya orang yang tidak puas hati dengan apa yang ada kepada mereka kerana selama itu orang itu merasa tak puas hati terhadap sesuatu yang dimilikinya, maka selama itulah mereka itu mendesak dan meminta seolah-olah

mereka itu tidak cukup ataupun tamak lakunya.

Orang yang bertanggungjawab menyuburkan polarisasi kaum ini ialah tidak ada parti lain iaitu parti pembangkang yang perkauman kerana isu yang paling mudah dibangkitkan dan diapi-apikan ialah berkenaan kaum. Bagaimana isu Bukit Cina, isu Dasar Ekonomi Baru, isu Bumiputera, isu peribahasa yang diputar belitkan semata-mata untuk membangkitkan kemarahan satu kaum kepada satu kaum lain.

Adalah amat mendukacitakan saya dengan adanya rakyat Malaysia yang berkeadaan seperti ini dan juga ada di antara rakyat Malaysia kita masih mengagung-agungkan dan membesar-besarkan negara lain. Saya terpaksa menyebut; masih terdapat rakyat kita yang mengagung-agungkan sejarah dan negeri China, begitu juga ada rakyat negara kita yang masih mengagung-agungkan sejarah dan negeri India. Kalau inilah masih wujud maka hasrat Kerajaan menghapuskan polarisasi kaum tidak akan tercapai kerana ianya terus disubur dan dibajai oleh orang-orang yang tertentu untuk kepentingan mereka. Saya ada bukti-bukti dengan mereka itu mengatakan bahawa misalnya mereka berkata: negara India lebih demokrasi daripada Amerika dan juga negara kita. Kalau inilah benar maka carilah negara demokrasi yang mereka ingini itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, bolehkah gulungkan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad: Akhir sekali, satu lagi. Mereka mengait-ngaitkan pula BMF sebagai perbuatan orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan cakap macam itu dengan kerana bercanggah dengan Peraturan

36 (10), minta jangan cakap perkara-perkara yang boleh memberi perasaan yang salah faham. Saya minta gulungkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad: Saya menyebutkan perkara ini kerana diulang beberapa kali dalam Dewan ini seolah-olah mereka itu menimbulkan bahawa perkara ini adalah perbuatan satu kaum iaitu kaum Melayu. Masalah BMF ialah perbuatan orang jahat dan juga penipu-penipu. Jadi dia tidak ada kena-mengena sama ada orang Melayu, orang Cina atau India. Yang jahat tetap jahat, dia mesti dihukum dan Kerajaan beberapa kali telah menegaskan perkara ini akan diambil tindakan tegas dan dia tidak kira siapa yang akan terlibat. Oleh itu kalaulah ini, dibabitkan sebagai satu isu, saya pernah menerima surat yang menuduh bahawa pemimpin-pemimpin Melayu yang terlibat dalam perkara ini. Jadi yang terlibat itu adalah orang yang jahat dan menipu dan siapa sahaja yang jahat dan menipu maka sepatutnya Kerajaan mengambil tindakan. Jangan ini dijadikan satu isu ataupun modal untuk kepentingan politik. Dengan itu saya menyokong Belanjawan 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.25 ptg.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan negara baru-baru ini, Menteri Kewangan telah menegaskan bahawa walaupun Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan tetapi perhatian utama tetap diberi terhadap membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Saya gembira dengan perhatian berat yang diberikan oleh Menteri

Kewangan itu kerana pembasmian kemiskinan adalah dasar yang dibuat untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru bagi memperseimbangkan kedudukan ekonomi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya sebuah Kerajaan yang baik ialah sebuah Kerajaan yang menjamin kesejahteraan rakyat iaitu di mana rakyat dapat hidup dengan selesa dalam negara ini.

Bagi saya rakyat yang selesa hidup dapatlah saya simpulkan demikian; iaitu mereka tidak diganggu oleh kemiskinan di mana mereka boleh menenuhi keperluan hidup mereka. Mereka boleh bekerja, mereka boleh mendapat upah dan habuan yang sepadan dengan kerja yang telah mereka lakukan. Mereka juga mempunyai tempat berteduh atau rumah yang sesuai dengan kedudukan mereka. Mereka tidak diganggu oleh keadaan peperangan yang dengan itu boleh menyebabkan harta benda mereka musnah dan keluarga mereka juga hilang.

Mereka juga tidak diganggu oleh keadaan huru hara di mana mereka tidak berani keluar mencari makan dan tidak senang melakukan amal ibadat mereka. Mereka tidak merasa bimbang dengan bermacam keadaan yang berlaku di sekitar mereka, tidak ada rasa permusuhan di antara jiran tetangga. Mereka juga mempunyai hak-hak individu yang dijamin dalam sebuah negara yang selesa ini di mana mereka boleh mencari ilmu pengetahuan setinggi mana yang mereka mampu. Mereka boleh memiliki harta sebanyak mana yang mereka boleh buat, mereka juga boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara beberapa ciri yang saya katakan mengenai kesejahteraan hidup dalam sesebuah negara dan Kerajaan

hendaklah menjamin keadaan ini boleh wujud dalam sesebuah negara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal kemiskinan, walaupun Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu tetapi bilangan orang miskin yang terletak di bawah paras garis kemiskinan adalah masih ramai.

Negara kita telah merdeka hampir kepada tiga dekad tetapi kemiskinan rakyat masih juga bermaharajalela. Orang yang miskin ini ialah orang-orang yang terdiri daripada sektor pertanian kerana sektor pertanian ini adalah satu sektor yang tidak menguntungkan tetapi orang-orang inilah yang telah memberikan makanan kepada rakyat di negara ini. Merekalah yang telah memberi makan kepada orang kaya di negara ini tetapi diri mereka sendiri adalah miskin. Jadi dengan sebab itu Kerajaan hendaklah menumpukan perhatian yang sungguh-sungguh terhadap sektor pertanian ini. Jumlah peruntukan yang diberi dalam peruntukan belanjawan pada tahun ini bagi sektor itu pada saya adalah amat kecil.

Selain daripada Kerajaan hari ini berusaha meneroka bidang-bidang pertanian, meneroka tanah-tanah baru, maka Kerajaan juga saya harap dapat meneroka bidang-bidang pertanian yang baru yang boleh menguntungkan petani-petani. Pada saya sekarang ini hanya kelapa sawit sahaja yang nampaknya boleh menjamin pendapatan yang agak baik. Getah yang pada satu ketika dahulu menjadi tanaman yang menguntungkan, sekarang ini sudah tidak lagi mempunyai masa depan yang agak baik. Ianya disebabkan oleh terdapatnya persaingan hebat dengan getah tiruan. Oleh itu pada saya, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya janganlah terlalu banyak melaksanakan penanaman getah secara besar-besaran di negara ini. Dia hanya

patut ditanam bagi keperluan perindustrian dalam negara sahaja. Adalah memang wajar Kerajaan mengadakan skim galakan kepada industri berasaskan getah dengan tujuan kita dapat menghasilkan barangan siap daripada getah untuk eksport.

Selain daripada itu petani kita hendaklah juga didedahkan sebanyak mungkin kepada pengetahuan baru mengenai pertanian. Sudah banyak penyelidikan saya rasa yang telah dibuat oleh Kerajaan dan agensi-agensinya Kerajaan mengenai cara-cara baru yang boleh menguntungkan petani-petani tetapi pengetahuan dan hasil penyelidikan itu hanya adalah nampaknya berada di sekitar pejabat sahaja, tidak banyak sampai kepada pengetahuan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan ini saya ingin menyentuh sedikit mengenai perpecahan umat dalam negara ini, khususnya mengenai Melayu dan Islam dalam konteks pembangunan negara dan ketahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, umum telah mengetahui mengenai dengan hal ini. Sejauh mana perpecahan ini telah berlaku. Sejauh mana pula ianya menggugat pembangunan dan ketahanan negara. Perpecahan ini berlaku jelas kelihatan di mana-mana negeri yang PAS atau Parti Islam SeMalaysia mempunyai pengaruhnya yang kuat, seperti di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Mengapa hal ini boleh berlaku. Mengapa umat yang dijamin kebahagiaannya oleh Allah s.w.t. menjadi demikian rupa. Mengapa umat Islam di mana-mana sentiasa bercakaran. Mengapa umat Islam sendiri meletakkan Islam sebegini rendah di mata dunia. Mengapa prinsip-prinsip hidup Islam diabaikan, bahkan dicemari sendiri sedemikian rupa. Pertanyaan ini sering berlegar dalam semua benak

kita tetapi kita semua seolah-olah tidak berupaya menyelesaikannya. Keadaan-keadaan seperti ini tidak seharusnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ianya tidak harus berlaku tetapi dia terus berlaku. Di Malaysia, satu pihak mengkafirkan pihak yang lain, pihak yang tidak sebulu dengan mereka. Orang lain semuanya dianggap tidak benar belaka, dia sahajalah yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sikap golongan ini amat bertentangan dengan prinsip hidup Islam maka timbul berbagai-bagai anggapan yang mengelirukan tentang Islam. Saya mengambil satu contoh tentang anggapan yang salah mengenai Islam dalam satu rencana pengarang sebuah akhbar Cina yang bernama "Kwong Wah Yit Poh", yang dikeluarkan pada 19hb Ogos, 1984 yang kemudiannya disiarkan kembali oleh Utusan Malaysia pada 28hb Ogos, 1984. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya petik mengikut akhbar itu: "semua orang tahu bahawa sejarah menunjukkan bahawa sistem yang mengasingkan politik dan agama adalah lebih ideal dan dapat memberi kebahagiaan kepada rakyat daripada sistem yang menggabungkan politik dengan agama". Inilah catatan sebahagian daripada rencana pengarang suratkhbar yang tersebut. Melihat kepada pendapat ini nyatalah mereka telah silap mengertikan ajaran Islam yang menghendaki politik diadukkan dengan agama sekali. Agama Islam tidak pernah mengizinkan politik diasingkan dengan agama kerana politik itu sendiri adalah sebahagian daripada agama. Kepada siapa kita hendak salahkan atas kesilapan faham ini. Adakah kepada orang bukan Islam yang memahami demikian? Saya berpendapat ini adalah kerana sikap kita sendiri, telatah kita sendiri, yang boleh digambarkan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, daripada sekian banyak jumlah kejadian-kejadian perpecahan yang berlaku ianya banyak melibatkan hal-hal pembangunan ummah terutama umat Melayu dan Islam. Ianya melibatkan kelancaran pembangunan negara dan sekali gus menghalang pelaksanaan cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Dan tidak kurang juga kejadian-kejadian ini menggugat ketahanan negara kita. Mengapa tidak, sekarang ini keharmonian hidup sekampung sudah tidak ada lagi. Seloka orang tua-tua yang mengatakan sehalaman sepermainan, segayung sepermandian sudah tidak wujud lagi. Masing-masing menyimpan hasad dengki dan dendam yang tidak berkesudahan. Cita-cita jahat yang ditanam kepada rakyat menyerap masuk ke segala pelusuk, ke dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, ke dalam sosial hidup masyarakat di kampung dan juga ke dalam kegiatan amal ibadat dan juga tidak kurang ke dalam anggota-anggota pasukan pertahanan negara. Keyakinan yang ditanam mengurangkan kesetiaan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu contoh kesetiaan yang tidak ada kepada rakyat negara ini. Ketika mengerjakan Haji, golongan ini tidak sanggup mengibarkan Bendera Malaysia tetapi sanggup mencacakkan bendera parti di Mekkah. Nampaknya kebanggaan terhadap bendera negara kita sudah tidak ada lagi. Tetapi mereka lebih bangga dengan bendera parti mereka. Inilah saya katakan kesetiaan terhadap negara sudah beransur-ansur pupus.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan maki hamun bermaharajalela, kafir di sana, thoghut di sini, syurga dan neraka dijual di tepi-tepi jalan, dijual di kedai-kedai kopi seperti si lacur menjual maruah. Mengapa tidak, Tuan Yang di-Pertua, suatu amanah

oleh seorang pemimpin sebuah parti politik yang menyebutkan soal syurga dan neraka telah disembarkan di tengah-tengah jalan, di kedai-kedai kopi dan ada di antara yang disepak-sepak demikian begitu sahaja, dalamnya menyebutkan soal neraka dan syurga, syahid dan sebagainya. Yang sepatutnya hal-hal ini tidak berlaku dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya membacakan amanah yang saya kata disembarkan itu yang saya katakan syurga dan neraka telah dijual di tepi-tepi jalan-jalan.

Tuan Yang di-Pertua, amanah ini berbunyi demikian:

“Saudara-saudara sekalian, percayalah kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana nama Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan Perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh itu, kita berjuang melawan mereka, percayalah saudara, perjuangan kita adalah jihad. Ucapan kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita itu adalah mati syahid, mati kita itu adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku, agama suku.”

Demikian saya katakan tadi, syurga dan negara ini telah dijual di merata-rata tempat, di tepi jalan, di kedai kopi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, amat dukacita sekali dengan kejadian-kejadian

seperti ini. Saya menyentuh soal perpaduan ummah ini dengan harapan bahawa hal-hal ini akan menjadi perhatian berat setiap orang yang cintakan Islam, cintakan ummah.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah gelujohnya golongan-golongan ini demi untuk mendapatkan kuasa sehingga tidak mengenalkan salah dan benar, tidak mengenal kawan dan lawan, tidak mengenal keluarga dan sanak saudara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam amanah ini tadi terdapat orang-orang UMNO yang dikafirkan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan UMNO sahaja yang dikafirkan. Kami daripada Parti Hisbul Muslimin (HAMIM) juga menerima padah yang serupa dengan UMNO dalam soal ini.

Rasanya kami lebih teruk daripada UMNO itu sendiri, kerana kami pernah dituduh sebagai murtad, sebab saya sendiri berasal daripada PAS dan keluar daripada PAS dan membuka parti baharu HAMIM maka orang seperti saya ini dianggap keluar daripada Islam telah menjadi kafir maka dianya adalah murtad dan darahnya adalah halal di sisi mereka. Demikianlah anggapan orang-orang yang saya katakan mempunyai gila kuasa tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan menghasut anggota-anggota Angkatan Tentera dengan kata-kata “perjuangan mereka tidak ada faedahnya kerana jika mati ianya hanya mati katak sahaja”, kerana khidmat yang diberi oleh Angkatan Tentera itu bukan berkhidmat kepada negara Islam dan bukan berkhidmat kepada Kerajaan Islam, maka dengan sebab itu mati mereka adalah mati katak semata-mata. Perbuatan begini pada saya adalah satu perbuatan khianat yang tidak boleh dimaafkan. Apakah akan jadi kepada negara kita ini jika kita mempunyai ramai anggota

tentera yang mempunyai keyakinan demikian. Perbuatan memaki anggota Pasukan Polis yang menjaga keamanan dengan kata-kata kesat, "Polis anjing Kerajaan" di majlis-majlis ceramah dengan surakan-surakan lantang oleh anggota-anggota kumpulan adalah juga satu perbuatan dendam yang boleh menimbulkan huru-hara dan boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan pasukan keamanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mengenal pasti, telah mengenal sebab dan akibat terhadap kejadian-kejadian ini yang bagi saya adalah lebih cenderung mengatakan ianya sebagai satu tragedi, maka haruslah kita mencari jalan keluar yang selamat.

Pada saya debat yang dicadangkan, debat yang akan berlaku kalau ianya akan berlaku adalah satu jalan tetapi bagi saya kerana debat adalah satu jalan yang tidak berapa digalakkan oleh Islam, saya merasakan ianya tidak akan banyak memberi erti kepada cita-cita perpaduan ummah. Ia hanya nanti akan menjadi medan bagi menegakkan hujah semata-mata tanpa ada pendekatan yang boleh merapatkan sendi-sendi yang telah renggang selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyampaikan dan memanjangkan seruan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda, Presiden HAMIM di satu perjumpaan merasmikan HAMIM di Kota Bahru dan Pengkalan Chepa pada 21hb Julai, 1984. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya sedut sebahagian daripada ucapannya: "Saya menyeru orang yang bernama Dr. Mahathir, orang yang bernama Dato Musa, orang yang bernama Haji Hadi, orang yang bernama Datuk Wan Hashim dan siapa lagi nama yang berjuang

demi Islam yang sayangkan bangsa, marilah kita menghulurkan tangan berganding menuju ke meja perundingan, mencari dan menyelesaikan masalah bagi perpaduan dan cita-cita ummah".

Tuan Yang di-Pertua, pada pokoknya perkara ini adalah perlu dibaiki. Kalau kita kembali kepada akidah Islam, akidah itu adalah senang sahaja tetapi cara mencapainya ini bergantung kepada sejauh mana yang boleh kita buat. Kita haruslah kembali melihat kepada Al-Quran kerana Quran pernah mengajar kita, saya ambil sepotong ayat dalam surah Al-Hudjrat ayat 10 yang mengandungi erti, sesungguhnya orang-orang yang beriman itu sebenarnya bersaudara, maka damaikanlah di antara saudara kamu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dalam hal ini bagi memainkan peranan sebagai pihak yang berkuasa dan masyarakat juga hendaklah diajak sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa lama lagi, kerana ucapan Yang Berhormat panjang.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Dalam dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: yang berkuasa dan masyarakat hendaklah juga diajak untuk ikut serta mencari perdamaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan haruslah melancarkan satu bentuk penerangan melalui ceramah umpamanya, melalui kursus, melalui usrah dan sebagainya untuk memulihkan keadaan-keadaan yang sedang kalut sekarang ini. Tetapi saya

mengatakan bukan gerak gempur seperti yang dicadangkan oleh UMNO, kerana pada saya gerak gempur adalah mempunyai unsur unsur pertentangan. Siapa yang hendak digempur. Saya ingin bertanya, siapa yang hendak digempur, siapa yang hendak ditentang, maka jawabnya tentulah orang-orang yang membawa unsur-unsur perpecahan dalam masyarakat.

Pada saya orang-orang yang membawa unsur perpecahan dalam masyarakat ini sebenarnya adalah tidak ramai, yang ramainya ialah orang-orang yang menerima unsur-unsur itu. Penerima ini adalah menerimanya secara membuta tuli. Tuan Yang di-Pertua, yang menerima unsur perpecahan ini tidak perlu kita gempur kerana kalau kita gempur orang yang menerima unsur perpecahan ini ianya akan menerbitkan pertentangan dan permusuhan yang lebih mendalam dan kerana itu cita-cita mewujudkan masyarakat damai dan harmoni tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau jalan-jalan yang saya sebutkan tadi, jalan-jalan perundingan dan usrah tidak dapat menghasilkan cita-cita perpaduan ummah sedangkan perpaduan ummah itu penting dari segala-galanya. Kalahlah cita-cita untuk mewujudkan keharmonian ini tidak terlaksana disebabkan oleh adanya petualang-petualang yang masih menghalang perjalanan gerakan-gerakan ini dengan niat jahat terhadap perbuatan penyatuan ummah ini, saya rasa Kerajaan tidaklah patut teragak-agak untuk mengorbankan beberapa orang yang menjadi pengkhianat itu demi untuk survival ummah pada masa hadapan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

4.47 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, dengan membuat ucapan yang pertama dalam Dewan ini, Menteri Kewangan membawa kebahagiaan kepada orang-orang Malaysia dengan mengenakan Belanjawan 1985 dalam Dewan ini pada 19hb Oktober. Terdapatnya faedah dari meringankan kadar bayaran cukai, sektor perindustrian juga menerima banyak insentif. Menteri Kewangan telah menjamin bahawa beliau akan mengambil tindakan atas mereka yang terlibat dalam skandal BMF jika dapat buktinya ada penyelewengan.

Tuan Speaker, Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen dari Kota Melaka telah pun menegaskan bahawa hal-hal skandal BMF tidak boleh diseludup tetapi kita mesti bertindak untuk menghukumkan mereka yang menghilangkan banyak sumber kewangan yang perlu dalam kemelesetan ekonomi masa sekarang. Perdana Menteri sendiri berhijrah ke beberapa buah negara dengan membawa tempurung mengemis dalam tangan, Tuan Speaker. Perdana Menteri tunjuk prestasi beliau dalam hal ini kepada pihak Pembangkang dalam sebuah akhbar harian yang siapa disifatkan sebagai pihak berniat menghapuskan bukan sahaja Bank Bumiputera tetapi juga kepimpinan Melayu. Perdana Menteri lari daripada tajuk apabila beliau membuat tuduhan seperti itu. Ahli Parlimen rakan saya dari Kota Melaka, Tuan Yang Speaker, hendaklah dipuji bukan dikeji dan akhbar harian disebut oleh Perdana Menteri hendak dikurniakan dengan kalongan bunga dengan sebab mutu kewartawanan tinggi mereka mengikut tradisi hak dan kebebasan kewartawanan. Kerajaan mesti bersikap liberal dan jangan nampak hantu dalam bayang-bayang. Trend liberal Pentadbiran 2M selepas

mengambil alih pentadbiran dari Tun Hussein Onn telah bercanggah. Nampaknya, Tuan Speaker, Perdana Menteri cuba ugut akhbar-akhbar. Lebih baik kita ada akhbar bebas daripada akhbar menyekat dan mengalami akibat teruk sebagai hasil.

Tuan Speaker, wajibnya dalam kemelesetan ekonomi masa sekarang mengadakan perpaduan antara kaum. Dalam masa kesukaranlah orang-orang lekas marah dan perkara yang kecil juga boleh jadi perkara besar dan kata-kata hina kecil boleh jadi perkara besar.

Tuan Speaker, pada 24hb Julai tahun ini Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Pasir Puteh dalam ucapannya dalam Kamar Dewan ini apabila membahaskan usul bertindak atas Ahli Parlimen rakan saya dari Sandakan menyatakan, hari ini wakil dari Kepong pula bangkit mencabar kita, bercakap belit-belit macam ular. Sebab itu orang dahulu kata "kalau kita jumpa ular dengan India, kita pukul India.

Tuan Speaker, kata-kata tersebut ada membayangkan hasutan iaitu menggalakkan permusuhan antara kaum Melayu dan kaum India dalam negara ini dan dengan sebab itu

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Saya harap perkara itu jangan kita panjang-panjangkan lagi sebagai Ahli-ahli Dewan yang bertanggungjawab. Jadi saya minta supaya Ahli Yang Berhormat beralih kepada hujah yang lain, memandangkan kita sama kita sedar bahawa sambil kita sebagai ahli-ahli politik, dengan kepentingan-kepentingan politik kita; kita juga Ahli Dewan yang mulia ini, yang mana institusi ini sendiri boleh terancam jika kita panjang-panjangkan perkara yang

sedemikian rupa. Saya mintalah kepada Yang Berhormat beralih daripada perkara itu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya bukan mahu panjang-panjangkan perkara itu, tetapi baru-baru ini Ahli dari Pasir Puteh ada buat satu kenyataan peribadi dalam hal ini dalam Dewan ini. Dan atas apa yang beliau ada cakap, saya ingat hendak sentuh, kami dari pihak sini hendak menjawab apa yang ada termasuk dalam kenyataan peribadi itu. Oleh kerana itu saya perlu berucap atas tajuk ini, ini penting. Apa yang terjadi hari itu jikalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh sudah tarik balik, kami boleh maafkan tetapi beliau tidak tarik balik. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, jikalau saya boleh, saya hendak menyentuh atas perkara ini, barang-kali tidak berapa panjang lebar, tetapi ia perlu

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya Yang Berhormat tidak mahu layan permintaan saya?

Tuan Karpal Singh: Bukan itu, Tuan Speaker, saya hormat Tuan Speaker, tetapi masyarakat India dalam negara ini tentu ada hak-hak untuk jawab apa yang ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada hari itu. Beliau bukan tarik balik, beliau bukan minta maaf.

Tuan Speaker, apa yang ada dalam *Hansard*, apa yang ada dalam rekod tidak boleh diberi, disemak juga begitu, tentukan untuk dapat tindakan, untuk dapat satu peluang untuk "put the record straight, to put the record right", dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Itu sebab saya telah membenarkan Yang Berhormat menyampaikan hujah-hujah jawapan sehingga ke satu peringkat yang saya fikir memadai

sebagai jawapan dan memadailah sebagai memperjuangkan peranan Yang Berhormat sebagai ahli politik yang mendukung falsafah politik parti Yang Berhormat. Tetapi apa yang saya minta sekarang, beralihlah kepada ucapan sebagai Ahli Parlimen Malaysia demi kepentingan kita bersama. Itu permintaan daripada saya.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya berucap demi kepentingan bukan orang India sahaja, tetapi masyarakat Malaysia. Dalam konteks itu apa yang saya akan sebut, Tuan Speaker, jikalau saya boleh teruskan, apa yang ada dibangkitkan pada hari itu, tentu kami kena dapat peluang untuk jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah dibangkitkan beberapa kali, tidak usahlah berulang-ulang lagi.

Tuan Karpal Singh: Bukan, Tuan Speaker, selepas kenyataan peribadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, tidak ada sesiapa Ahli-ahli dari Pembangkang yang ada menyentuh perkara itu, belum lagi. Tuan Speaker, apa yang ada dalam rekod tentu ada dikenang dalam sejarah negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat perkatakan pun termasuk juga dalam rekod sebagai jawapan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Itu yang saya mahu diberi peluang untuk jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Pandangan saya, sebagai jawapan cukuplah.

Tuan Karpal Singh: Belum jawab lagi, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat tidak mahu layan permintaan saya juga, ya?

Tuan Karpal Singh: Perkara ini serius, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, gulung bab itu sebentar.

Tuan Karpal Singh: Ya. Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, apa yang ada dikatakan oleh Wakil Barisan Nasional dari Pasir Puteh hari itu jadi satu kesalahan besar mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan, 1948. Kata-kata itu telah digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan di dalam Dewan ini dan beliau tidak terkecuali dari dikenakan hukuman mengikut pindaan Perlembagaan Persekutuan, Akta Pindaan Perlembagaan, 1971. Beliau tidak boleh cakap apa yang saya ada bangkitkan di sini tidak boleh jadi satu punca untuk didakwa dalam mahkamah oleh kerana undang-undang ini sudah diluluskan dalam tahun 1971.

Tuan Speaker, saya sudah membuat aduan polis dalam perkara ini (Sentul Report No. 8578 tahun 1984) mengenai Ahli Parlimen dari Pasir Puteh pada 27hb Julai tahun ini. Peguam Negara dengan surat bertarikh 8hb Ogos tahun ini menjawab: Polis sedang menyiasat perkara itu dan saya akan diberitahu kelak kedudukannya. Hingga hari ini saya tidak dengar dari Peguam Negara. Tiada apa-apa yang hendak disiasat!

Apa yang ada dibangkitkan pada hari itu oleh Ahli ini terus terang, tidak payah ada satu siasatan oleh kerana apa yang ada dalam *Hansard* tidak ada dinafikan oleh beliau selepas itu dan itu jadi keterangan yang boleh digunakan dalam mahkamah. Tidak payah ada saksi-saksi lain, dapat *Hansard* terus berkas Ahli Parlimen itu masuk dalam kandang, jawab tuduhan; itu sahaja, Tuan Speaker. Dari Julai sampai hari ini apa Kamar Peguam Negara ada buat dalam

perkara ini, tidak ada apa-apa jawapan atas surat yang saya ada sampaikan.

Tuan Speaker, kata-kata hina itu dicatit dengan terus terang dalam *Hansard* seperti apa yang saya kata tadi. Ahli dari Pasir Puteh itu hendaklah didakwa dengan serta-merta atas tuduhan hasutan.

Tuan Speaker, adalah terkejut Perdana Menteri tidak bertindak atas Ahli dari Pasir Puteh itu dengan serta-merta apabila beliau ada buat kenyataan itu dalam Dewan ini. Tetapi saya hairan Perdana Menteri kata Ahli dari Pasir Puteh itu merasa kesal atas reaksi masyarakat India atas kata-kata Ahli Parlimen itu. "Merasa kesal atas reaksi"—bukan "kesal atas apa yang ada dibuat dalam Dewan ini"!

Tuan Speaker, saya telah cabar Ahli itu mengutuskan kata-kata itu di luar Dewan ini, tetapi beliau seorang pengecut, tidak berani berbuat demikian untuk memberi peluang kepada masyarakat India untuk membawa beliau ke mahkamah atas hal fitnah kaum itu. Tuan Speaker, Ahli dari Pasir Puteh itu bukan manusia

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan atau membangkitkan Peraturan Mesyuarat?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan. Adakah Yang Berhormat dari Jelutong boleh beri jalan?

Tuan Karpal Singh: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat dari Jelutong. Saya rasa perkara yang diucapkan ini tidak bersangkutan-paut langsung tentang kita membahaskan Budget ini. Kita sekarang membahaskan tentang Belanjawan 1985, jadi buang masa, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya membuat keputusan Yang Berhormat dari Jelutong boleh teruskan ucapan.

Tuan Karpal Singh: Itu bukan penjelasan, Tuan Speaker, barangkali point of order, tetapi apa yang saya cakap ada kaitan dengan Budget. Jikalau tidak ada perpaduan, aman, di mana boleh dapat satu Budget yang kami tentu mahu, Tuan Speaker. Apa yang saya katakan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu bukan manusia—bukan manusia oleh kerana beliau berani memfitnahkan masyarakat India, tetapi mencari perlindungan di bawah Hak Pengecualian Parlimen. Apabila dicabar, orang-orang seperti itu tidak layak duduk dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan sendiri, apa yang saya sebutkan tadi, pada 16hb Oktober tahun ini Ahli Yang Berhormat itu mengatakan, bahawa kata-kata beliau itu adalah salah faham. Betul-betul beliau bohong. Apa yang dikatakan oleh beliau itu adalah terus terang dan tidak boleh disalah fahamkan oleh sesiapa pun. Beliau juga berani menyatakan, "jika kata-kata saya telah menghina sahabat-sahabat India, dan telah merosotkan perpaduan Barisan Nasional, jika perlu", jika perlu, Tuan Speaker. Define attitude, dengan izin, insincerity, hypocrisy, jika perlu saya bersedia minta

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta Peraturan Mesyuarat atau

Tuan Ismail bin Said: Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli Parlimen dan seterusnya. Dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi telah pun menyebutkan sifat-sifat Ahli Parlimen dari Pasir Puteh. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 39 telah dibangkitkan untuk sama-sama kita menelitinya. Saya akan bacakan. Peraturan tersebut berbunyi: "Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-ahli Parlimen atau sesiapa Pegawai-pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Pegawai Kerajaan." Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak bertentangan langsung dengan Peraturan Mesyuarat ini, Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Terima Kasih, Tuan Speaker. Apa yang saya katakan tadi sebelum kena ganggu, "jika perlu, saya bersedia", bukan saya cakap ini, ini kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, "bersedia meminta maaf". Apa yang tidak patut ialah, selagi minta lawan, beliau menggunakan kata "jika", Ahli itu tidak meminta maaf, masyarakat India mahu beliau didakwa dalam hal hasutan. Saya cabar Ahli itu memutuskan di luar Dewan kata-kata hasutan itu

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Peraturan

Mesyuarat atau minta jalan? Sila duduk Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Othman bin Abdul: Tertib Mesyuarat 44 (1), Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah pun menegur Ahli Yang Berhormat dari Jelutong iaitu saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 44 (1) telah dibangkitkan. Memandangkan teguran saya tadi adalah merupakan satu permintaan agar Ahli Yang Berhormat dari Jelutong lebih mementingkan peranan beliau sebagai Ahli Parlimen Malaysia daripada ahli politik, itu adalah satu permintaan daripada saya, tetapi jelas Ahli Yang Berhormat dari Jelutong lebih mementingkan peranannya sebagai ahli politik dan berhak mengemukakan hujah-hujahnya sebagai ahli politik dan atas rakyat Malaysialah menilaikan beliau. Sila teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36 (4) dan 36 (6), dia telah mengata kepada saya, saya bukan manusia. Saya siapa, saya hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Peraturan 36 (6)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila bangun, Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Maaf, Peraturan 36 (4) dan 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 34 (6) atau 36 (6)?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya gunakan dua-dua, 36 (4) dan 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan 36 (4) dan 36 (6), terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36 (4) dan 36 (6) telah dibangkitkan. Peraturan Mesyuarat 36 (4) berbunyi, "adalah salah bagi Peraturan Mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab". Peraturan Mesyuarat 36 (6) berbunyi: "seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain".

Ahli-ahli Yang Berhormat, atas bantahan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berasaskan Peraturan Mesyuarat 36 (6), saya memutuskan bahawa ada unsur-unsur dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang boleh ditakrifkan sebagai mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain, maka saya memutuskan supaya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak boleh lagi daripada saat saya mengeluarkan keputusan ini membangkitkan lagi unsur-unsur sangkaan jahat yang tersebut. Terima kasih. Ini bukan merupakan permintaan tetapi keputusan saya. Sila teruskan dengan hujah yang lain Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Ahli Yang Berhormat ada bertanya saya, "Jika saya tidak manusia, apa saya?" Tuan Speaker, dalam Dewan ini, satu masyarakat India, beliau boleh cakap seperti yang dicakapnya dahulu, "India dan ular"

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Penjelasan tidak boleh beri, duduk. Bukan takut, takut. Oleh kerana bukan manusia, saya tidak beri jalan (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli yang Berhormat semua. Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Saya beri jalan kepada orang yang manusia. Jangan main-main. Ini perkara serius. You can't get away with what you have said, dengan izin. Ini perkara banyak serius, Tuan Speaker, sampai hari ini tidak minta maaf. Jikalau manusia, tentu minta maaf.

Tuan Ismail bin Said: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Tuan Ismail bin Said: Peraturan Mesyuarat 45 (1), "seseorang Ahli yang hendak bercakap, hendaklah bangun ditempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi, maka hendaklah dia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi, bukan kepada orang lain".

Timbalan Yang di-Pertua: Memang Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kena mengena dalam perkara ini. Oleh itu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya tidak mahu terperangkap supaya membuat keputusan supaya Yang Berhormat dikeluarkan daripada Dewan ini seperti di Pulau Pinang. Saya tidak mahu masuk perangkap itu. Jadi kita jalankanlah mesyuarat ini supaya jangan membiarkan saya masuk ke perangkap itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang terjadi dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tidak adil. Barangkali Tuan Speaker tidak tahu apa yang ada timbul di sana. Ada satu Ahli di sana, Ahli Barisan Nasional, khususnya UMNO, dari

Bertam, Datuk Abdul Rahman Abbas, beliau pun seperti Ahli dari Pasir Puteh, ada mengeluarkan satu kenyataan

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Belum habis, belum habis, dengar dahulu. Beliau pun dalam Dewan itu, Tuan Speaker, mengarahkan kepada pihak kami Pembangkang di sana ada membuat satu kenyataan, satu remark yang memalukan. Beliau ada cakap, orang ini bila jadi Ketua Menteri tidak ada di sana, Pemangku Ketua Menteri tetapi taraf atau standard mentality, dengan izin, beliau seperti ini, kenyataan itu apa yang beliau ada cakap, Tuan Speaker, “beranak ponggok” dalam Dewan itu dan Tuan Speaker di sana tidak ada ambil apa-apa keputusan. Ketua Menteri Pulau Pinang ada guna kenyataan “scum” apabila saya beritahu kepada Tuan Speaker di dalam Dewan itu

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Karpal Singh: Dengan izin. Ketua Menteri itu untuk tarik balik apa yang beliau cakap. Dan Tuan Speaker itu ada buat satu ruling ada cakap kepada Ketua Menteri, tarik balik kenyataan “scum” itu, dengan izin. Tetapi beliau enggan, tidak tarik balik. Apa yang beliau buat itu lagi hairan, berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 51 mahu buat satu usul untuk halau saya keluar dari Dewan itu. Sebelum usul dikemukakan oleh Ketua Menteri itu, Tuan Speaker, ada cakap seperti ini, “bloody crook—you are a bloody crook.”

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Karpal Singh: Dengan izin (*Ketawa*). Dalam Dewan itu Ketua Menteri tidak minta izin, bila cakap begitu (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bila hendak sebut kena minta izin.

Tuan Karpal Singh: Ya, saya minta izin (*Ketawa*) “bloody crook, rascal”

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Karpal Singh: Dengan izin (*Ketawa*). Dan DAP crook

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin.

Tuan Karpal Singh: Dengan izin (*Ketawa*). Tetapi bukan dengan keadilan. Keputusan adalah dibuat di dalam Dewan itu. Dan kelmarin Abdul Rahman Abbas seorang yang biadap, seorang yang tidak ada taraf apa yang saya katakan tadi Tuan Speaker boleh buat kenyataan buruk seperti itu ada kemukakan satu usul, saya tidak boleh balik ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sampai saya minta maaf.

Tuan Speaker, dalam Dewan ini saya boleh teruskan cakap apa yang saya sudah buat di dalam Dewan Undangan Negeri ada ikut peraturan, tetapi oleh kerana Barisan Nasional ada satu majority besar, group majority, dengan izin, oleh kerana itu boleh buat, boleh ambil tindakan seperti itu. Dahulu pun sudah buat seperti itu, mahu minta maaf. Saya tidak minta maaf kepada Ahli-ahli Barisan Nasional dalam Dewan itu. Hanya rakyat dan pengundi-pengundi di Bukit Gelugor dan Jelutong sahaja orang-orang yang saya bertanggungjawab, bukan orang-orang lain. Itu apa yang jadi dalam Dewan, Tuan Speaker. Oleh kerana

Tuan Speaker tadi ada cakap mengenai apa yang jadi di Dewan itu.

Saya tahu, Tuan Speaker mahu beri amaran barangkali, sudah keluar di sana boleh mari di sini; jikalau keluar di sini mahu pergi di mana? Tidak ada jalan lain (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, tidak. Yang Berhormat, sila duduk.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, daripada saya mula menjampuk lagi saya telah dengan jelas dan dengan ikhlas mula-mula meminta dan dorongan bagi saya berbuat demikian hanyalah semata-mata memelihara kemuliaan, maruah serta prestasi Dewan Rakyat Malaysia. Oleh sebab itu juga maka saya telah perkatakan bahawa saya tidak akan masuk perangkap supaya terpaksa mengeluarkan Ahli Yang Berhormat kerana dengan sekiranya saya berbuat demikian, publisiti yang berikutan akan menjejaskan maruah, kemuliaan serta pandangan rakyat kepada Dewan yang mulia ini.

Saya akan membiarkan apa sahaja Yang Berhormat akan berucap selagi tidak menyentuh Peraturan-peraturan Mesyuarat. Dan sebagai saya katakan tadi biarlah rakyat Malaysia, press Malaysia menilai Yang Berhormat secara objektif. Itu sahaja. Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Karpal Singh: Lebih baik beri rakyat menilainya, Tuan Speaker. Rakyat tahu apa yang benar, bukan Ahli-ahli Barisan Nasional. Saya sambung, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, penghinaan perkauman ke atas orang-orang India bukan dalam Dewan ini sahaja, India dan orang

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Apa pen-jelas? Tidak cakap apa-apa lagi! Saya tidak beri, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: Tidak manusia, tidak beri jalan. Jikalau jadi manusia, saya beri jalan. Tadi mahu hentam Ketua Pembangkang, pada masa itu berani. Sekarang duduk! Jadi manusia dulu. Bila jadi, telefon saya, beritahu.

Tuan Speaker, dalam satu buku oleh Mohd. Mansor Abdullah, ada di sini, jikalau mahu bukti. (*Mengangkat tangan, menunjukkan buku*). Mana-mana Ahli di sini, jikalau mahu membaca, boleh baca. Tetapi saya sebut apa yang perlu disebut di dalam Dewan ini. Di dalam buku ini *Kesusasteraan Melayu Klasik* oleh Mohd. Mansor Abdullah, beliau menyatakan, "asal usul orang India itu".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah isi kandungan buku itu boleh membawakan perasaan sakit hati di antara kaum di Malaysia?

Tuan Karpal Singh: Tentu boleh. Oleh kerana itu, saya mahu bangkitkan perkara itu di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Maka saya tidak benarkan Yang Berhormat membacanya

Tuan Karpal Singh: Jikalau tidak baca, saya pun hairan

Timbalan Yang di-Pertua: Sekurang-kurangnya saya tidak benarkan Yang Berhormat membacanya di dalam Dewan ini.

Tuan Karpal Singh: Apa yang ada di sana, apa yang menghinakan orang-orang India. Tentu Tuan Speaker, jikalau saya tidak baca, tidak boleh

ada perbincangan atas apa yang ada di sana.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini adalah sekali lagi bagi menjaga maruah, kemuliaan dan prestasi Dewan ini, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, jikalau buku ini telah dicetak

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa jemput Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai keputusan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Kwang Yang: Jikalau buku ini telah dicetak dan dibaca oleh semua rakyat Malaysia kenapa buku ini tidak dapat dibaca di Parlimen ini. Ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Senang sahaja Yang Berhormat. Saya menjalankan tugas dan tanggungjawab saya di dalam bidang kuasa dan bidang tugas saya. Asalkan saya menjalankan itu dengan sebaik-baiknya, itu adalah keputusan dan dalam bidang kuasa saya. Kalau perkara-perkara yang sama menyentuh bidang kuasa dan bidang tugas orang lain itu bukanlah hak saya. Hak saya ialah supaya menentukan supaya perjalanan Dewan ini adalah dengan baik, disanjung rakyat, dihormati rakyat dan jika saya fikir dengan secara membaca isi kandungan mana-mana, dengan izin, publication, boleh menjejaskan perjalanan itu, saya berhak memutuskan tidak boleh dibacakan di dalam Dewan ini. Justeru, saya menjalankan tugas dalam bidang tugas saya (*Tepuk*).

Tuan Sim Kwang Yang: Jikalau buku ini belum dibaca bagaimanakah, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat, janganlah Yang Berhormat berkelakuan seperti orang lain, Yang Berhormat "Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching".

Tuan Sim Kwang Yang: Sebagai Ahli Yang Berhormat, saya ada berhak memberi pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Untuk mempertahankan kedaulatan Dewan yang mulia ini, bukan cover-up sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Razlan bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat menyatakan Ahli Yang Berhormat boleh berucap, bila saya beri izin. Saya akan beri izin, sabar-sabarlah seperti "Ahli Yang Berhormat". Ini bukan di panggung wayang (*Tepuk*).

(*Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli-ahli Yang Berhormat!

Ahli-ahli Yang Berhormat, menggunakan kuasa yang diberi kepada saya dalam Peraturan Mesyuarat, maka saya memutuskan bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong telah sampai masanya berucap dan sudah habis. Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar teruskan ucapan.

Tuan Karpal Singh: On a point of order, oleh kerana masa sudah hilang, saya kena bayar, Tuan Speaker, itu tidak adil.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk. Saya minta, saya rayu

Tuan Karpal Singh: Jikalau Ahli-ahli lain kacau, saya kena bayar

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat. Saya minta, saya rayu dan saya tidak akan masuk perangkap mengeluarkan Ahli Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Karpal Singh: Bukan perangkap itu, Tuan Speaker, saya mahu hak saya, ada Ahli-ahli lain di sini dapat

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan ucapan, kuat sedikit berucap.

Tuan Karpal Singh: Orang lain boleh berucap, tetapi apa yang Tuan Speaker buat tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar tidak mahu berucap?

5.22 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, macammana saya hendak bercakap kalau ada Ahli dalam Dewan ini yang buat begitu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sepertimana sahabat-sahabat saya yang lain untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb yang lalu.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, saya inginlah melahirkan juga rasa dukacita saya ke atas sikap, tingkah-laku yang telah ditunjukkan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini terhadap kemuliaan Dewan ini sendiri.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan perasaan hairan saya terutama kepada Ahli dari Kota Melaka yang mana telah menyatakan bahawa Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai satu lagi keistimewaan iaitu ia telah mencetuskan satu bantahan dan tunjuk perasaan awam di Johor Bahru. Sebenar tadi kita lihat bagaimana penghayatan Ahli-ahli daripada Pembangkang khasnya Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah menunjukkan perasaan mereka dan inilah sebenarnya sikap DAP selama ini (*Tepuk*). Apa sahaja yang merupakan tunjuk perasaan adalah satu perkara yang istimewa, tetapi tidak dengan Kerajaan.

Sebenarnya Belanjawan yang dibuat bukanlah istimewa untuk mewujudkan tunjuk perasaan seperti yang dinyatakan oleh DAP sendiri.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, ada Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Saya tidak mahu, kerana masa Tuan Yang di-Pertua beri 20 minit, saya tidak mahu jadi macam Ahli dari Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Saya tidak beri, minta jalan pada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada pihak-pihak tertentu terutamanya daripada pihak Pembangkang yang menganggap Belanjawan ini adalah Belanjawan orang-orang kaya, tetapi bagi saya Belanjawan yang telah dibentangkan tempoh hari itu adalah satu Belanjawan yang sangat munasabah dan adil, munasabah kerana ia merupakan asas pembuka tirai kepada kekukuhan pelaksanaan di sektor awam dan adil kerana bersimpati kepada semua golongan rakyat negara ini sejajar dengan strategi menggalakkan pertumbuhan ekonomi termasuk sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, ditinjau dari 3 strategi Belanjawan ini iaitu mengukuhkan imbalan pembayaran; kedua, mengukuhkan kedudukan Belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan; dan ketiga, menggalakkan pertumbuhan sektor awam, pada pandangan saya strategi-strategi ini adalah sangat tepat kepada sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat seperti negara kita di mana jikalau berjaya melaksanakan ketiga-tiga strategi ini dengan baik dan berkesan, insya Allah negara kita akan muncul sebagai sebuah negara yang mantap dan kukuh dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mencapai kemantapan dan kekukuhan

yang berasaskan strategi Belanjawan ini, maka kita mesti mengambil ingatan dan menitikberatkan kepada proses Belanjawan ini sendiri bagaimana ianya dilaksanakan atau akan dapat dijayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan melalui Belanjawan kali ini iaitu untuk memperkukuhkan imbalan pembayaran dengan tujuan memperbaikinya dalam jangka panjang.

Saya memberi sokongan penuh niat dan hasrat Kerajaan di dalam perkara ini, namun begitu Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hutang luar kita yang semakin meningkat dan pembayaran semula adalah membebankan dan boleh menjejaskan perkembangan projek-projek pembangunan di dalam negara, maka kita tidak ada jalan lain melainkan mencari jalan melalui sumber yang ada di dalam negara kita sendiri.

Seperti yang kita maklum di dalam struktur cukai barunya misalnya cukai pendapatan yang mana cukai maksima dikurangkan daripada 55% paras 40% dari pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$100,000. Dalam konteks ini, atas kepentingan negara, atas kepentingan pembangunan negara, walaupun mereka yang terlibat di dalam kategori ini dari segi jumlahnya tidaklah begitu ramai, tetapi dari segi penglibatan mereka dalam pengaliran wang adalah besar sekali; oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan akan menimbangkan agar keuntungan bersih yang diterima oleh mereka akibat budi baik Kerajaan menurunkan sebanyak 15% kadar cukai maksima itu, jika umpama sejumlah tertentu misalnya \$10 juta atau jumlah lain yang menasabah supaya disyaratkan kepada mereka membeli bond-bond Kerajaan bagi jangka waktu yang tertentu. Dengan keadaan yang demikian aliran dan

pusingan wang akan terus dapat digiatkan di dalam negara kita dan ini boleh membantu Kerajaan melaksanakan projek-projek dengan lebih banyak lagi dan dalam masa yang sama kita akan dapat mempertahankan suasana yang memaksa kita meminjam dari luar di samping memperbanyakkan pertumbuhan ekonomi tempatan. Dengan cadangan ini kedua-dua pihak akan mendapat faedah iaitu Kerajaan akan mendapat sumbangan dari orang kaya dan orang kaya mendapat faedah dikecualikan daripada cukai, dan dalam masa yang sama juga orang kaya dapat membantu rakyat yang miskin melalui projek-projek pembangunan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi keazaman Kerajaan kerana terus memberi perhatian utama iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di mana 37% daripada jumlah peruntukan pembangunan atau \$2,811 juta diperuntukkan bagi maksud tersebut.

Saya juga mengalu-alukan sebanyak \$1,445 juta atau 19% daripada peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi struktur ini. Namun bagitu saya berharap supaya di tahun-tahun akan datang peruntukan di sektor ini hendaklah ditambah lagi dan diberi perhatian yang lebih utama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai dan kakitangan Kerajaan menuntut untuk menaikkan gaji. Hasil struktur cukai yang baru, mereka yang berpendapatan tinggi dikecualikan sebahagian cukai mereka akan juga merasa lega, tetapi petani-petani tidak jemu-jemu berjuang di bawah panas dan hujan untuk mengadakan asas sumber ekonomi negara dan mereka pula tidak pernah menuntut secara melulu sesuatu kenaikan, tetapi saya

berharap dalam Belanjawan-belanjawan yang akan datang Kerajaan akan mengkaji semula semua cukai-cukai, terutama cukai-cukai tidak langsung seperti cukai-cukai kepada barang-barang perlu, termasuk cukai import dan eksais. Meskipun ini sedikit-sebanyak menjejaskan imbalan perdagangan antarabangsa, tetapi demi kepentingan semua golongan rakyat, sama ada mereka yang makan gaji ataupun petani-petani, nelayan-nelayan sudah pasti akan merasai nikmat turunnya harga barang-barang perlu akibat daripada menurunkan cukai kepada barang-barang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama akibat daripada penurunan cukai kepada barang-barang perlu, kita mungkin boleh mengurangkan tuntutan-tuntutan gaji kerana dengan harga yang berpatutan kepada barang-barang perlu sudah pasti rakyat, khasnya mereka yang mempunyai pendapatan tetap yang mengangap gaji mereka masih rendah akan menilai bahawa walaupun gaji-gaji mereka tidak naik, tetapi taraf hidup mereka akan naik kerana kos hidup sebenar mereka sudah turun dengan bantuan Kerajaan melalui penurunan cukai barang-barang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi saya menyatakan bahawa dengan penurunan cukai barang-barang perlu sedikit-sebanyak boleh menjejaskan imbalan perdagangan antarabangsa, tetapi dalam konteks negara kita yang berjiran, terutamanya kepada dua buah negara yang begitu banyak barang-barang perlu yang rendah harganya, sedikit-sebanyak akan dapat kita sekat mengalirnya wang negara kita ke negara-negara tersebut dengan adanya penurunan cukai ataupun bantuan kepada sistem percukaian kepada barang-barang perlu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menekankan kaedah pengawasan dan pengurusan perbelanjaan kepada Agensi-agensi di Luar Belanjawan (OBA). Walaupun Kerajaan mengurangkan perbelanjaan kepada perkara ini sebanyak \$1.5 juta bagi tahun 1985, tetapi bagi saya pengurangan peruntukan sahaja bukan sebagai satu faktor di dalam perkara jimat-cermat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa faktor yang juga penting di dalam menentukan perkara jimat-cermat ini ialah agensi-agensi OBA ini mestilah mengelakkan "sikap boros belanja", atau dalam perkataan lain, agensi-agensi berkenaan mestilah membelanjakan peruntukan mengikut keutamaan, misalnya hanya berbelanja kepada perkara-perkara yang perlu dan tinggalkan perkara-perkara yang tidak penting.

Saya ingin memberi contoh dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, Lembaga Letrik Negara, kita dapati banyak perkara-perkara boros yang telah dilakukan, umpamanya, kalau kita pergi di mana-mana sahaja di dalam negara kita ini di tempat-tempat peranginan, kita boleh dapati bungalows, chalets dan tempat-tempat rihat seperti di Cameron Highlands, di Batu Ferringgi, di Port Dickson dan sebagainya dan tempat-tempat ini dari segi penyelenggaraannya sangatlah memakan belanja yang besar dan ini merupakan sebagai satu perkara pada pandangan saya dalam zaman suasana keadaan ekonomi yang sebegini rupa adalah merupakan sebagai satu perkara yang boros dan "phenomena" ataupun gejala seperti ini oleh berjangkit kepada agensi-agensi yang lain. Saya dapati penyakit ini telah mula berjangkit kepada PETRONAS yang mana juga telah mengadakan tempat untuk pegawai-pegawainya di

Airport, Subang dan jikalau semua agensi-agensi akan mengadakan tempat-tempat seperti ini sudah tentulah perbelanjaan yang banyak digunakan ke arah ini. Saya rasa dalam suasana ekonomi yang begini, tempat-tempat seperti ini, perkara-perkara pembaziran, perkara-perkara yang boros seperti ini hendaklah dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah merdeka lebih dari 27 tahun dan bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak sudah lebih dari 19 tahun. Pada pandangan saya sudah sampai masanya semua negeri-negeri di dalam Malaysia dan seluruh jentera pentadbiran diintegrasikan dalam bentuk yang lebih praktikal, sama ada dari segi Kerajaan sendiri atau Perkhidmatan Awamnya kerana melalui integrasi inilah sahaja bentuk Kerajaan dan Perkhidmatan Awam yang seragam akan dapat mengurangkan sekurang-kurangnya jarak perbezaan di antara perkhidmatan-perkhidmatan ataupun Kerajaan-kerajaan.

Saya ingin menyatakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, contohnya, kalau kita lihat dari segi pembentukan Kerajaan, Sabah, Sarawak dan negeri-negeri lain di dalam Malaysia ini, umpamanya, di Semenanjung kita dapati ada Menteri Besar, ada Ketua Menteri, tetapi yang lain-lainnya ataupun Kuasa Eksekutif yang lain adalah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, sedangkan di Sabah dan Sarawak kita ada Ketua Menteri dan ada Menteri-menteri Negeri. Saya mencadangkan kita hendaklah menseragamkan negeri-negeri di dalam Malaysia ini dan kalau pihak Sabah dan Sarawak tidak mahu menurunkan taraf Menteri Negeri menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, biarlah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam negeri-negeri Semenanjung ini dijadikan juga sebagai Menteri-menteri Negeri.

Dari segi Perkhidmatan Awam, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati berbagai-bagai perkhidmatan. Umpamanya, kalau kita lihat di Sabah dan di Sarawak ada jawatan Negeri, kemudian ada jawatan-jawatan Persekutuan dan kemudian ada jawatan-jawatan yang dipersekutukan, sementara di negeri-negeri Semenanjung kita dapati terdapat jawatan-jawatan Persekutuan dan jawatan-jawatan Negeri. Saya rasa pihak MAMPU mestilah menyelenggarakan mengkaji mengenai penyeragaman perkara ini untuk perjawatan, iaitu kita ada dua sahaja jawatan, iaitu jawatan Persekutuan dan jawatan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadaan pentadbiran juga, kita harus lihat, umpamanya, di Sabah dan Sarawak kita dapati ada konsep 'Residence', kemudian ada "District" ataupun Pejabat Daerah, maknanya ada dua tingkat, kemudian di Semenanjung ada Pejabat Daerah sahaja. Perkara ini juga haruslah diberi perhatian supaya diseragamkan di seluruh negara kita untuk mengelakkan perbezaan yang selama ini kita abaikan, terutamanya kita pada hari ini sudah ada MAMPU untuk membuat kajian-kajian perkara ini dan memperakukan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk diseragamkan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah ucapan Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: 5 minit tak boleh gulung?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Cuba!

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkara ini—ini sebagai contoh—kita lihat, di negeri-negeri terdapat Jawatankuasa-jawatankuasa di Peringkat Negeri dan di daerah-daerah Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Daerah bagi melicinkan pentadbiran tetapi kedapatan di setengah-setengah negeri ataupun di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain keahliannya adalah berbeza-bebeza di antara satu daerah dengan satu daerah yang lain. Umpamanya Jawatankuasa Tindakan Daerah—Ada di setengah-setengah daerah di mana Wakil-wakil Rakyatnya menjadi ahli di dalam jawatankuasa itu sedangkan di setengah-setengah daerah tidak ada Wakil-wakil Rakyat di dalam jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat daerah ataupun negeri. Perkara ini juga haruslah diberi perhatian supaya sebarang arahan daripada peringkat pusat akan dapat dibawa terus ke peringkat bawah sekali secara seragam di seluruh negara di semua peringkat pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan soal pelancongan di mana dalam Belanjawan yang baru lalu ini Yang Berhormat Menteri telah juga memberi peluang kepada hotel-hotel ataupun pusat-pusat pelancongan yang kecil untuk dinikmati daripada Belanjawan yang dibentangkan tahun ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengingatkan terutama dalam dunia yang serba maju ini kita mestilah melihat iaitu matlamat kepada siapakah ataupun apakah bentuk/jenis manusia pelancong yang kita hendak terima. Jadi dalam hal ini saya perhatikan kedapatan begitu ramai sekali pelancong-pelancong yang mana kita tidak begitu mahu mereka

datang ke negara kita yang mana terdiri dari pembawa-pembawa unsur tidak sihat, oleh itu kita patutlah rancang supaya pelancong yang akan datang ke negara kita ini terdiri dari orang-orang kaya ataupun orang-orang yang mempunyai ilmu dan pengetahuan sahaja. Lantaran itu Kerajaan hendaklah mengambil satu langkah iaitu untuk mewujudkan satu cara bagaimana menggalakkan pelancong-pelancong ini datang ke negara kita dan saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji perkara ini agar kita dapat mengadakan satu konsep berpadu dari segi pelancongan iaitu di mana kita dapat mengadakan pusat-pusat perdagang bersama dewan-dewan yang besar. Dengan kemudahan-kemudahan itu para ilmuwan ataupun negarawan-negarawan ataupun cendekiawan-cendekiawan akan datang ke tempat-tempat yang tersebut—Yang demikian dalam masa yang sama negara kita akan dapat menerima unsur-unsur kebaikan, unsur-unsur pengetahuan yang kita kehendaki supaya negara kita dapat terus setanding dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya terangkan dan saya ucapkan terima kasih dan sebelum saya duduk saya inginlah merakamkan sekali lagi rasa keciwa saya, rasa dukacita saya di atas sikap beberapa orang ahli daripada Pembangkang yang tidak mematuhi arahan-arahan Dewan ini yang telah membangkitkan perkara Dewan lain ke dalam Dewan ini hanya demi untuk kepentingan politik mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Julau.

5.44 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama dengan rakan-rakan saya

untuk membahas Anggaran Belanjawan bagi tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 19hb Oktober, 1984 yang lalu. Untuk menyokong Anggaran Belanjawan ini, saya ingin menyuarakan perkara-perkara yang saya anggap penting disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat sudah hampir tiba di penghujungnya. Kita sekarang boleh dikatakan dalam era Rancangan Malaysia Kelima. Jika sekiranya Anggaran Belanjawan bagi tahun 1985 berjalan dengan baik dan mengikut seperti yang dirancang, saya kira matlamat yang kita tuju bagi menerokai Rancangan Malaysia Kelima akan lebih mudah lagi.

Untuk melanjutkan ucapan saya, saya menyokong Anggaran Belanjawan 1985 dan saya sukalah menyatakan bahawa Belanjawan tersebut dapat menggalakkan kepada semua pihak terutama sekali bagi kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah seperti petani, buruh, nelayan dan sebagainya. Sungguhpun cukai-cukai yang dikenakan agak ringan namun begitu kita semua hendaklah bekerja lebih kuat untuk meninggikan lagi pendapatan di samping meninggikan taraf hidup masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah Anggaran Belanjawan sebanyak \$29,101,096,194 bagi tahun 1985 adalah diuntukkan kepada rancangan pembangunan dan pengurusan. Jadi di sini saya sukalah mencadangkan supaya negeri-negeri yang kurang maju seperti Sarawak dan Sabah diperuntukkan sekurang-kurangnya 40% dari peruntukan ini.

Negeri Sarawak memerlukan perhatian yang lebih serius dari Kerajaan Persekutuan. Kita memerlukan peruntukan yang lebih

bagi membangun negeri Sarawak seperti membina jalan raya-jalan raya, klinik, hospital, bekalan air dan api, sekolah, rancangan pertanian dan sebagainya di seluruh negeri itu. Kita juga memerlukan peruntukan bagi membuka rancangan-rancangan tanah secara besar-besaran.

Seperti mana yang telah saya nyatakan sebentar tadi bahawa tanpa peruntukan yang lebih bagi negeri Sarawak penduduk-penduduknya tentulah tidak dapat menandingi penduduk-penduduk dari negeri-negeri lain dalam Malaysia terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar akan tetap kekal dengan kemiskinannya iaitu 60% di bawah paras garis kemiskinan. Ini adalah benar berdasarkan kepada pengamatan dan pergaulan saya dengan mereka sejak negara kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini juga untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas perhatian memperuntukkan sebahagian besar wang bagi mengatasi kadar kemiskinan rakyat di negara ini. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya bahawa kadar pencapaian bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang kurang maju di mana projek-projek pembangunan Kerajaan tidak sampai di situ, alat-alat perhubungan tidak disediakan dan kemudahan-kemudahan kenderaan pun tidak ada. Ini mudah sekali kita dapat lihat di bawah kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak yang mana cuma dua buah kawasan sahaja yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini dan kawasan-kawasan tersebut adalah Ulu Rajang dan sebahagian dalam kawasan Ulu Ketibas.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun mengunjungi di kedua-dua kawasan tersebut dengan menaiki helikopter. Perbelanjaan bagi setiap jam penerbangan itu ialah antara \$600 hingga \$700. Jika sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke sana dengan menaiki bot tentulah mengambil masa yang agak lama untuk tiba di situ dan itulah sahaja alat perhubungan dan kenderaan bagi penduduk-penduduk di kawasan tersebut iaitu sama ada melalui sungai atau helikopter.

Kedua-dua tempat yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebahagian dari kawasan yang dipanggil pendalaman tetapi kawasan yang lebih teruk dari itu adalah banyak dalam negeri Sarawak di mana yang selama ini tinggal di dalam keadaan yang amat menyedihkan. Dengan adanya lawatan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak adalah diharapkan agar beliau akan lebih menyedari dengan keadaan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di luar bandar terutama sekali di daerah-daerah pendalaman. Kami juga berharap agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak \$2,811 juta bagi mengatasi masalah kemiskinan kebangsaan dan jika sekiranya Kerajaan bersungguh-sungguh hendak menyelaraskan kawasan-kawasan luar bandar dengan kawasan dalam bandar, separuh dari jumlah peruntukan yang disediakan itu eloklah diberikan kepada negeri Sarawak sebagai sebahagian dari program dan projek bagi "eradicate poverty".

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi impian bagi setiap rakyat Malaysia di dalam hidup sehari-hari

untuk memiliki sebuah rumah sendiri walaupun sebuah rumah jenis kayu di suatu hari kelak, dan dapat menyediakan makan dan minum bagi keluarga setiap hari serta dapat menyediakan pakaian untuk dipakai oleh keluarga tetapi buat masa sekarang kita tidak dapat menafikan bahawa ada di antara orang-orang kita yang masih tidak dapat menikmati ini semua terutama sekali yang tinggal di kawasan pedalaman. Pihak Kerajaan haruslah mencari jalan untuk mengatasinya.

Kita juga tidak menafikan bahawa ada setengah-setengah orang kita terlalu kaya dan menjadi jutawan dengan sekelip mata sahaja. Ini adalah disebabkan kawasan balak yang ada di Sarawak dan juga peluang-peluang perniagaan dan perdagangan yang tidak seimbang di antara penduduk-penduduk di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian

Timbalan Yang di-Pertua: Bila kata Tuan Yang di-Pertua itu, paling-palinglah ke sini (*Ketawa*).

Tuan Thomas Salang Siden: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian telah mencuba dengan sedaya upaya untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan para petani dan peladang di negara kita dengan memberikan bantuan subsidi kepada para pengusaha koko, lada hitam, getah, minyak kelapa sawit dan sebagainya. Tetapi sejauh manakah yang terlibat mengenai subsidi pertanian nampaknya tidak sebegitu banyak kemajuan yang telah tercapai dan saya rasa pihak-pihak kaum petani tidak begitu dapat mencapai hasil yang diharapkan dari setahun ke setahun.

Pada hemat saya nampaknya Kementerian Pertanian khususnya dan Jabatan Pertanian amnya haruslah menukarkan cara pemberian bantuan atau sistem subsidi mereka itu ke arah yang lebih berkesan di tahap perancangan yang lebih konstruktif sambil lebih menggalakkan lagi kaum-kaum petani dan penanam untuk meneroka dan membuka banyak lagi tanah-tanah bagi maksud pertanian dan bercucuk-tanam. Berkemungkinan pula pihak Kementerian Pertanian menimbangakan untuk membeli alat kelengkapan dan jentera berat seperti traktor bagi kegunaan semua bahagian tempat pertanian di negara kita ini untuk menolak dan merata dan membajak tanahnya. Traktor yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian boleh pula disewakan kepada kaum petani dengan harga yang berpatutan kerana mereka amat memerlukan perkhidmatan ini. Dengan cara ini kaum-kaum petani akan berupaya membuka ladang yang lebih besar, menggunakan alat kelengkapan yang sesuai dan sempurna. Oleh itu besar kemungkinannya pula akan mencapai kejayaan sambil meningkatkan daya pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah "shifting cultivation" iaitu ialah satu lagi cara yang kuno mengenai padi huma yang lazim digunakan sepenuhnya di kawasan penanaman padi bukti-bukau di negeri Sarawak. Akibat daripada kaedah yang usang ini penanam-penanam padi huma nampaknya adalah cuma membazirkan masa, tenaga dan wang ringgit kita kerana kaedah kuno ini yang diamalkan oleh penanam padi huma di Sarawak tidak pernah menampakkan sebarang hasil yang lumayan atau sempurna sejak zaman berzaman.

Dalam hal yang sebegini Jabatan Pertanian dengan nasihat kepakaran dari Kementerian Pertanian, haruslah

mencari jalan dan berusaha bagi membantu petani-petani yang menghuma padi dengan cara menunjukkan kepada mereka kaedah-kaedah baharu pembajakan dan menteraskan tapak tanaman di kawasan bukit-bukau itu sepertimana yang telah dilakukan di Filipina dan di Indonesia. Seandainya kaum-kaum petani kita meningkat maju dengan menggunakan kaedah baharu ini, dalam cara pertanian moden mereka akan mampu membekalkan negara kita dengan makanan segar seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan juga daging-daging kepada rakyat jelata yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan dan komunikasi adalah di antara beberapa banyak masalah yang serius di dalam negeri Sarawak.

Adalah amat sukar dan mahal untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Hanya cara yang mudah untuk pergi ke satu tempat di kawasan luar bandar ialah dengan bot panjang melalui sungai-sungai ataupun dengan cara berjalan kaki sahaja semenjak sebelum merdeka lagi.

Dengan perjalanan secara bot adalah agak mahal, lebih-lebih lagi setelah kos petrol meningkat naik dan harga petrol kini di kawasan luar bandar ialah \$10 segelen dan segelen petrol bot hanya boleh berjalan sejauh lima-enam batu.

Terdapat juga beberapa tempat yang kita terpaksa berjalan kaki kerana kita tidak boleh menggunakan bot panjang atau lain-lain cara kenderaan. Tempat-tempat itu mengambil masa berjam-jam atau berhari-hari dalam perjalanan sebelum sampai ke sesuatu destinasi.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya adalah sangat penting di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak.

Sememangnya ada jalan raya dari bandar ke bandar tetapi keadaan jalan berkenaan adalah amat teruk. Ianya menjadi berselut semasa musim hujan dan amat berhabuk pula dalam musim panas. Apa lagi dengan berlopak-lopak dan batu bata yang besar di pinggir jalan. Nampaknya seolah-olah sistem pengangkutan jalan raya dibolot oleh hanya sesuatu syarikat yang dikuasai oleh sekelompok orang. Syarikat pengangkutan bas itu semacam tidak ambil hirau dengan keselamatan penumpang-penumpang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya beri Ahli Yang Berhormat 5 minit lagi untuk menggulungan perbahasan.

Tuan Thomas Salang Siden: Saya boleh habiskan. Mereka menggunakan bas-bas yang sudah usang yang seharusnya dikondem oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Bas-bas sebegini sering kali beroperasi di tempat-tempat seperti dari Durin-Julau, dari Julau-Kanowit dan Julau-Bintangor.

Untuk menaiki teksi agak mahal kerana jauh perjalanan satu minit-dua minit dikenakan bayaran dua tiga ringgit. Apalah lagi jika pemandu teksi berkenaan tidak mengenal kita. Kejadian sebegini sering berlaku di pekan-pekan seperti Sibul, Kuching, Miri dan Bintulu. Dalam hal sebegini pengguna-penggunalah yang menjadi mangsa pihak pengendali kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini, saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian berkenaan mestilah:

- (1) Memperbaiki keadaan jalan raya di negeri Sarawak dengan cara memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk tujuan-tujuan itu.
- (2) Kerajaan haruslah menanam modal dalam urusan pengangkutan awam, oleh itu

minat orang awam dalam pengangkutan jalan akan lebih sempurna dan selamat dan tidak ditipu oleh syarikat-syarikat pengangkutan jalan ataupun oleh mana-mana pihak individu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia kini menggalakkan rakyat negara ini membeli alat dan barangan buatan tempatan dan ini adalah salah satu cara untuk menyekat pengaliran wang negara ke luar negeri dan seandainya kita ingin mengikut contoh dari lain-lain negara maju seperti negara Jepun dan Korea ataupun Amerika Syarikat dan United Kingdom, kita akan dapat mengadakan barangan dan benda buatan sendiri dan segala teknologinya telah diubahsuaikan dari lain-lain negara.

Adalah menjadi satu kebanggaan negara bagi rakyatnya mengeluarkan hasil keluaran yang bermutu tinggi untuk dijual dalam pasaran tempatan di samping mengeksport ke pasaran dunia.

Rakyat Malaysia gemar membeli barang-barang yang tinggi mutunya dengan harga yang berpatutan seperti misalnya "Batik Malaysia" yang termasyhur itu dan lain-lain jenis kain yang bermutu tinggi. Tetapi apa yang merisaukan saya, mungkin terdapat orang-orang atau para peniaga yang meniru jenama barang-barang yang popular dengan mutu yang rendah tetapi dijualnya dengan harga yang mahal.

Perkara seperti ini sedang berlaku sekarang dalam pasaran tempatan. Oleh itu, dalam hal sebegini saya ingin menarik perhatian Menteri berkenaan supaya lebih berwaspada dan berusaha gigih untuk mengesan barang-barang tiruan dan palsu itu. Dengan itu nanti dapatlah gedung pembuatan kebangsaan kita dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung hujah saya, saya ingin mencadangkan supaya lebih ramai lagi Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen melawat Sarawak, tidak hanya ke bandar tetapi lebih lagi di kawasan pendalaman bagi melihat sendiri keadaan di pendalaman berkenaan. Dengan itu, saya menyokong Belanjawan, 1985. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibü.

6.18 ptg.

Tuan Ling Sei Ming (Sibü): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan Persekutuan, 1985 dan ingin mengutarakan kekurangan sokongan Kerajaan Pusat yang benar terhadap negeri asal saya, iaitu Sarawak.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh perkara ini saya ingin membuat beberapa tinjauan mengenai peruntukan-peruntukan bagi tahun 1985.

Semasa ucapan Belanjawan beliau, Menteri Kewangan sekali lagi telah menekankan usaha-usaha Kerajaan mengadakan langkah-langkah jimat cermat untuk mengoffset kemerosotan ekonomi, meneguhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menentang kesan-kesan defisit imbalan pembayaran yang kian bertambah. Akan tetapi tidaklah boleh dinafikan bahawa defisit hasil berbanding dengan perbelanjaan di dalam Belanjawan Persekutuan, 1985 adalah berjumlah \$7,321 juta atau 25% daripada perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah \$29,291 juta. Jadi defisit itu akan perlu dibiayai melalui pinjaman-pinjaman serta penggunaan aset Kerajaan yang lebih pesat.

Kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan Perbelanjaan Mengurus sebanyak 13% atau \$2,522 juta berbanding dengan tahun 1984 oleh kerana wujud keperluan mengadakan peruntukan-peruntukan sebanyak \$5,486 juta atau 26% bagi pembayaran balik hutang walaupun pembayaran balik hutang akan meningkat sebanyak \$680 juta daripada tahun 1984.

Menjelang tahun 1985, hutang negara akan terus bertokot tambah. Ini adalah kerana pertama, kita akan perlu meminjam lebih untuk menolong mengimbangkan defisit tahun 1985 yang dianggarkan berjumlah \$7,300 juta.

Kedua, kebanyakan daripada pembayaran balik hutang adalah bagi tujuan membiayai faedah terhadap pinjaman-pinjaman yang dibuat. Kadar pembayaran balik hutang bagi tahun 1985 akan berjumlah 71.68% bersama kepada peruntukan-peruntukan pembangunan bagi tahun hadapan. Pembayaran balik hutang telah menjadi punca kekurangan kewangan Kerajaan kerana kini, kita perlu menyalurkan \$5,486 juta kepadanya daripada tujuan-tujuan pembangunan yang mungkin dapat mendorong pengeluaran. Keadaan negara kita yang kian terhutang pasti akan menjadi kelemahan kita.

Menjelang tahun 1984 jumlah hutang luar negeri adalah berjumlah \$21,159 juta dan hutang tempatan pula sebanyak \$36,587 juta atau 63% jumlah hutang negara. Kadar pembayaran faedah yang perlu dijelaskan bagi hutang luar negeri adalah \$2,204 juta, manakala bagi hutang tempatan adalah \$2,568 juta. Daripada angka-angka ini kita boleh menyimpulkan bahawa faedah-faedah yang dikenakan bagi hutang luar

negeri dan hutang tempatan adalah 10.42% dan 7.05% masing-masing. Berbanding dengan kadar faedah purata, kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman luar negeri adalah lebih tinggi yang bermakna bahawa Kerajaan sedang mengeksploitasi wang rakyat. Ini adalah kerana kebanyakan daripada pinjaman tempatan atau 49% daripadanya berasal daripada Kumpulanwang Simpanan Pekerja iaitu sebanyak \$17,999 juta. Mungkin ini menerangkan mengapa kadar faedah Kumpulanwang Simpanan Pekerja adalah amat rendah. Biasanya dua atau tiga peratus lebih rendah daripada kadar simpanan tetap bank dan institusi-institusi kewangan. Ini juga menerangkan mengapa Kerajaan nampaknya kurang minat meningkatkan kadar pinjaman-pinjaman Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Jadi, keadaan ini pasti mempengaruhi kepentingan serta hak-hak rakyat.

Pinjaman-pinjaman jangka panjang telah mewujudkan kadar-kadar pembayaran balik hutang yang berat dan ini melemahkan kebolehan kita menyelesaikan hutang-hutang. Keadaan ini merupakan suatu putaran ganas. Menurut Laporan Ekonomi Tahun 1984 dan 1985, 75% daripada pembayaran-pembayaran balik hutang bagi pinjaman-pinjaman luar negeri adalah untuk pembayaran faedah. Manakala 25% adalah digunakan bagi pembayaran balik principal.

Bagi pinjaman-pinjaman tempatan pula hanya 33% digunakan bagi tujuan pembayaran principal, manakala 67% pula untuk faedah adalah jelas bahawa kadar-kadar faedah yang tinggi bagi pinjaman-pinjaman kita telah menyumbangkan kepada defisit Belanjawan. Akan tetapi saya ingin menunjukkan bahawa usaha-usaha kita untuk mengukuhkanimbangan

pembayaran tidak patut hanya dihadkan kepada penurunan perbelanjaan Kerajaan. Lebih penting lagi kita mesti meninggikan daya pengeluaran, meningkatkan eksport. Bukan dengan melabor dan di dalam eksploitasi sumber-sumber asli tetapi juga mengukuhkan daya pengeluaran serta sumbangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin membangkitkan persoalan peruntukan pembangunan bagi Negeri Sarawak yang saya dapati kurang memuaskan. Rakyat Negeri Sarawak dan Kerajaannya telah membuat banyak aduan mengenai perkara itu. Tambahan pula Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah melawat Negeri Sarawak selama tiga hari pada 9hb September, 1984 yang lalu. Saya percaya lawatan beliau adalah meninggalkan kesan yang ketara atas beliau akan keadaan kemiskinan dan kemunduran yang terdapat di Negeri Sarawak.

Selama ini semua rakyat Sarawak telah berharap bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan memberikan satu bahagian kuih ekonomi yang lebih besar kepada Negeri Sarawak bagi tahun 1985 yang akan datang tetapi malangnya dalam Anggaran Perbelanjaan Kewangan bagi tahun 1985 pada keseluruhannya peruntukan pembangunan bagi negeri ini adalah hanya sebanyak \$513.4 juta ataupun hanya sebanyak 7.28% daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Ini mencerminkan kekurangan perhatian yang diberikan kepada rakyat Negeri Sarawak. Adalah suatu kenyataan bahawa kuih ekonomi yang dinikmati oleh rakyat Negeri Sarawak adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan rakyat Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan, semua

pembangunan adalah untuk rakyat serta memenuhi tuntutan rakyat. Oleh kerana itu setiap warganegara Malaysia haruslah dapat menikmati kedudukan ekonomi yang sama. Dalam perkataan yang lain, rakyat Malaysia haruslah dapat menikmati hasil pembangunan ekonomi negara yang sama rata.

Juga semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum harus dapat menikmati faedah perkembangan ekonomi negara kita selama ini. Walau bagaimanapun, semenjak rakyat negeri Sarawak mencapai kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia 21 tahun yang lalu, mereka masih tidak dapat mencapai kedudukan yang sama dengan rakyat di Semenanjung Malaysia dari segi penikmatan hasil pembangunan ekonomi negara. Sungguhan negeri Sarawak mempunyai sumber-sumber alam semula jadi yang subur seperti petroleum, gas cecair, kayu balak dan pengeluaran lada sebanyak 99% pengeluaran Malaysia tetapi rakyat negeri Sarawak tidak menikmati apa-apa pun faedahnya. Mengikut laporan PETRONAS pendapatan dari eksport gas cecair semula jadi pada tahun 1984 dijangka meningkat kepada \$9 billion dan 5% royalti daripadanya sebanyak \$4,500 juta akan diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Saya ingin mengetahui apakah kesan daripada penggunaan peratus royalti ini terhadap pembangunan negeri yang luas kawasannya sama dengan Semenanjung Malaysia. Mungkin ada di antara pemimpin-pemimpin negara yang berpendapat bahawa penduduk-penduduk negeri Sarawak amatlah kecil serta bertaburan. Dengan alasan ini mereka mungkin mempersoalkan keperluan peruntukan pembangunan yang lebih banyak.

Mengikut Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia

Keempat, jumlah penduduk-penduduk negara kita mencapai bilangan 15,548,000 orang pada tahun 1985 dan di antaranya sebanyak 12,873,000 orang adalah dari Semenanjung Malaysia. Sebanyak 1,473,000 orang terdapat di Sarawak dan sebanyak 1,201,000 orang di Sabah. Tetapi mengikut Anggaran Perbelanjaan Kewangan bagi tahun 1985 jumlah peruntukan pembangunan adalah sebanyak \$7,053,000 dan daripadanya Semenanjung Malaysia diperuntukkan sebanyak \$6,178.3 juta atau 87.59%. Tetapi negeri Sarawak hanya mendapat sebanyak \$513.4 juta atau 7.28% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan. Dengan menggunakan perbandingan per capita setiap warganegara di Semenanjung Malaysia mendapat \$479.94 daripada peruntukan pembangunan. Walhal setiap warganegara negeri Sarawak hanya mendapat \$348.54 pembangunan yang dicapai oleh rakyat negeri Sarawak adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan rakyat Semenanjung Malaysia. Walaupun mereka adalah warganegara Malaysia, rakyat negeri Sarawak tidak menerima perhatian yang sama, ini adalah satu ketidak-adilan.

Mengikut kiraan per capita, setiap warganegara Malaysia patut mendapat peruntukan pembangunan sederhana sebanyak \$453.63. Oleh sebab itu juga peruntukan pembangunan untuk negeri Sarawak haruslah sebanyak \$668.2 juta dan bukan seperti yang dikira dalam Anggaran Perbelanjaan Kewangan iaitu hanya \$513.4 juta. Memandangkan kenyataan ini masalah-masalah kemiskinan dan kemunduran di negeri Sarawak kalau tidak berpunca dari kekurangan kecekapan Kerajaan Negeri Sarawak adalah kerana kelalaian Kerajaan Persekutuan terhadap Pembangunan negeri Sarawak yang dicerminkan dalam peruntukan yang sebegitu kecil.

Di bawah ini adalah perbandingan antara peruntukan pembangunan bagi rakyat negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat dengan merujuk kepada Rancangan Malaysia adalah didapati bahawa dalam 10 tahun yang lampau peruntukan pembangunan bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah jauh kurang daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Menurut perpecahan peruntukan Sarawak telah menerima 8.93% daripada perbekalan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi hanya 5.59% di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Ini merupakan suatu pengurangan 3.34% berbanding dengan kenaikan 7.38% bagi Semenanjung Malaysia. Ini tidak adil kepada rakyat negeri Sarawak. Jika kita mengira peruntukan perbelanjaan Kerajaan pembangunan per capita bagi negeri Sarawak dan Semenanjung di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah didapati bahawa peruntukan negeri Sarawak adalah terlalu kecil.

Dalam tahun 1975 bilangan penduduk negeri Sarawak adalah 1.113 juta atau 9.05%. Jumlah penduduk negara, kiraan peruntukan pembangunan per capita akan menunjukkan bilangan yang kecil bagi negeri Sarawak. Dalam tahun 1980 bilangan penduduk telah meningkat kepada 1.307 juta atau 9.51% daripada jumlah penduduk negara, tetapi masih terdapat perbezaan peruntukan yang amat besar, jumlahnya sepatutnya \$4,400 juta dan bukan \$2,590 juta seperti ternyata dalam Rancangan Malaysia Keempat, ini adalah merupakan hanya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan esok. Saya beri Yang Berhormat 5 minit esok untuk menggulung.

Tuan Ling Siew Ming: Terima kasih, itu sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua: Pukul 6.30 petang, mesyuarat ditangguhkan

sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok, hari Jumaat, 2hb November, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.